

**Jilid I
Bil. 20**

**Hari Selasa
30hb Julai, 1991**



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA [Ruangan 2489]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2490]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2491]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2559]

**Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan
dan Perluasan) [Ruangan 2563]**

**Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa
Jenayah) [Ruangan 2578]**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991)
[Ruangan 2582]**

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 2596]

**Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan Terbang
dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) (Pindaan) [Ruangan 2601]**

Rang Undang-undang Keretapi [Ruangan 2604]

KANDUNGAN—(Samb.)

Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) [Ruangan 2612]

Rang Undang-undang Optik [Ruangan 2614]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 2629]

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).
- „ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan).
- „ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDA, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG (Johor).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' NG THIAN HOCK (Dilantik).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M.
(Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW HOCK (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa, 30hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN YANG
 DI-PERTUA**

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“29hb Julai, 1991.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya—

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991);
2. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali);

4. Rang Undang-undang Keretapi;
5. Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti);
6. Rang Undang-undang Optik;
7. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos; dan
9. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti).

Yang ikhlas

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991);
2. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali);

4. Rang Undang-undang Keretapi;
5. Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti);
6. Rang Undang-undang Optik;
7. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos; dan
9. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAPANGAN TERBANG GONG KEDAK—PEMBESARAN

1. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek "Pembesaran Lapangan Terbang Gong Kedak di bawah Kementerian Pertahanan". Sila nyatakan apakah jenis-jenis kerja-kerja yang terlibat dan berapa banyakkah peruntukan yang diperolehi dan bagaimanakah cara pelaksanaan projek ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diberi oleh Kementerian Pertahanan untuk menyegerakan pembangunan rumah-rumah awam untuk kakitangan Tentera. Berapa banyakkah jumlah rumah-rumah yang diperlukan oleh kakitangan Angkatan Tentera mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai peruntukan kewangan bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Gong Kedak. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan untuk membina sebuah Pangkalan Udara di Gong Kedak apabila kedudukan kewangan negara mengizinkan.

(b) Tindakan Kementerian Pertahanan untuk menyegerakan pembangunan rumah-rumah bagi anggota-anggota ATM adalah seperti berikut:

- (1) membina rumah-rumah keluarga melalui agensi pelaksanaan seperti JKR dan bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan di atas tanah-tanah kepunyaan Kementerian Pertahanan yang dijalankan secara Tender Terbuka kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar.
- (2) Bagi kawasan-kawasan di mana Kementerian Pertahanan tidak mempunyai tanah, keperluan perumahan diatasi secara membeli rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta secara Tender Terbuka.

Pada masa ini kedudukan keperluan rumah-rumah keluarga bagi keseluruhan ATM ialah sebanyak 71,265 unit. Pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut—

<i>Negeri</i>	<i>Keperluan</i>
Perlis	1,108 unit
Kedah	3,350 unit
Pulau Pinang	2,909 unit
Perak	7,595 unit
Wilayah Persekutuan	11,916 unit
Selangor	3,428 unit

<i>Negeri</i>	<i>Keperluan</i>
Negeri Sembilan	6,046 unit
Melaka	6,387 unit
Johor	7,211 unit
Pahang	6,358 unit
Terengganu	977 unit
Kelantan	3,114 unit
Sarawak	6,124 unit
Sabah	3,820 unit
Labuan	913 unit
Jumlah	71,265 unit

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah projek yang dibuat oleh tentera sendiri 100% melalui Kor Jurutera yang dibina di negara ini untuk kemudahan tentera?

Yang kedua, selain daripada lapangan terbang yang disebutkan tadi, apakah lagi lapangan terbang yang ada ataupun dibina oleh Kementerian Pertahanan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada menjalankan projek-projek yang besar melalui Kor Jurutera ini. Kebanyakan projek-projek besar kita akan dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk bahagian Pembangunan Kementerian ini. Kor Jurutera ini adalah membantu operasi-operasi tentera kita dalam latihan-latihan dan kita ada juga mengadakan projek yang dipanggil Tentera Masuk Desa yang mana melalui Kerajaan-kerajaan Negeri kita membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek pembangunan seumpamanya pembinaan jalan, pembinaan landasan terbang dan juga pembinaan rumah-rumah di bawah Rancangan Rakyat Termiskin.

Tentang landasan lapangan terbang yang dibina oleh tentera, selain daripada yang saya sebutkan tadi, kita tidak ada melainkan lapangan-lapangan terbang yang sama ada dibina oleh Jabatan Penerbangan Awam ataupun oleh Kerajaan.

MINYAK KELAPA SAWIT DAN GETAH—EKSPORT

2. Tuan K. Munisamy minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah eksport minyak kelapa sawit dan getah dalam tan dan ringgit;
- (b) negara-negara utama yang mengimport bahan-bahan tersebut; dan
- (c) bagaimanakah keadaan harga keluaran-keluaran tersebut dalam tempoh 1985-1990 dan jangkaan harga dalam tempoh 1991-2000.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah eksport minyak kelapa sawit dan getah, jumlah dan nilai adalah seperti berikut:

Pada tahun 1990, eksport kelapa sawit berjumlah 6.029 juta tan bernilai \$5.460 juta. Eksport getah pula berjumlah 1.321 juta tan bernilai \$3.822 juta.

- (b) Pasaran utama minyak kelapa sawit dalam tahun 1990 ialah Republik Rakyat China yang mengimport sebanyak 798,142 tan atau 13.7% dari jumlah eksport Malaysia. Singapura 770,068 tan atau 13.2%; Pakistan 690,307 tan atau 11.8%. Negara-negara Persekutuan Eropah (EC) 564,795 tan atau 9.7%. Jepun 277,646 tan atau 4.8%. Negara-negara peng-

import yang lain yang besar ialah Korea Selatan 219,740 tan, USSR 155,063 tan, U.S.A. 152,499 tan; Iraq 142,759 tan dan Arab Saudi 90,536 tan.

Pasaran utama untuk eksport getah dalam tahun 1990 ialah Persatuan Negara-negara Eropah (EC) iaitu sebanyak 25.5% daripada jumlah eksport kita; Korea Selatan berjumlah 12.5%; Singapura berjumlah 9.3%; U.S.A. 9.1%, Jepun 7.7%; negara-negara pengimport yang lain adalah Republik Rakyat China, Russia, Brazil, Turkey, Taiwan, Australia dan Yugoslavia.

- (c) Keadaan harga minyak kelapa sawit sejak tahun 1985 adalah seperti berikut . . . Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini terlalu panjang, jadi saya akan ringkaskan dan saya akan hantar jawapan bertulis.

Pada tahun 1985 minyak kelapasawit mentah berharga \$1,045. Pada tahun 1988 \$1,029 tetapi tahun 1990 \$700 sahaja. Manakala harga getah RSS1 tahun 1985 ialah \$188.70 sen, tahun 1988 \$309.99 sen dan tahun 1990 \$233.29 sen.

Jangkaan harga bagi tempoh 1991 hingga 2000 adalah agak sukar diramalkan kerana harga bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran dunia. Minyak kelapa sawit menghadapi saingan daripada kira-kira 16 jenis minyak sayuran dan lemak yang lain yang kebanyakannya adalah tanaman bermusim di mana bekalnya adalah sebahagian besar bergantung kepada cuaca. Di dalam pasaran minyak sayuran dan lemak, harga minyak kelapa sawit dikelirukan oleh subsidi pertanian seperti yang diberikan oleh negara-negara

EC dan juga U.S.A. Jika sekiranya rundingan Uruguay berjaya dalam menghapuskan subsidi pertanian yang mengelirukan harga ini maka harga bagi minyak sayuran dan lemak akan menjadi lebih baik. Kita berkeyakinan bahawa berdasarkan kepada keistimewaan teknikal dan ekonominya apabila dibandingkan dengan minyak sayuran dan lemak lain, minyak kelapa sawit dapat bersaing dengan minyak sayuran dan lemak lain. Kedua-duanya bagi kegunaan makanan dan juga bukan makanan. Seperti yang dapat dilihat, harga minyak kelapa sawit pada tahun ini telah bertambah kukuh dan harga purata minyak kelapa sawit bagi tahun ini adalah dianggarkan melebihi pada tahun yang lalu. Demikian juga adalah sukar untuk membuat ramalan yang tepat bagi harga getah asli untuk 5 tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun getah asli, insyaAllah, akan lebih kukuh sekiranya semua faktor permintaan dan pasaran ini dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

Jawapan selanjutnya akan saya beri secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu organisasi serupa dengan RISDA atau RRI untuk membela nasib pekebun-pekebun kecil kelapa sawit?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembelaan kepada pekebun-pekebun kecil telahpun ditetapkan oleh RISDA. RISDA adalah merupakan agensi, tidak kira kelapa sawit, tidak kira getah dan juga termasuk buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak.

Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

TAMAN LAUT—PERUNTUKAN

3. Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh (di bawah S. O. 23 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan Taman Laut yang diberikan;
- (b) jumlah Taman Laut yang telah diwujudkan dan sebutkan mengikut negeri-negeri; dan
- (c) setakat yang telah diwujudkan adakah ianya telah memberi kesan kepada peningkatan ekonomi serta pengwujudannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah peruntukan kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang telah diluluskan untuk membiayai program-program Taman Laut adalah seperti berikut—

1988	\$10 juta
1989	Tiada peruntukan.
1990	\$ 7.548 juta
1991	\$ 6.21 juta
Jumlah	<u>\$23.758 juta</u>

- (b) Sebanyak 22 kawasan perairan Taman Laut di sekeliling 22 buah pulau berikut telah diwartakan sebagai Kawasan Larangan Perikanan.

Negeri

Nama Pulau

Kedah	1. Pulau Payar	
	2. Pulau Kaca	
	3. Pulau Lembu dan	
	4. Pulau Segantang	
	Terengganu	1. Pulau Perhentian Kecil
		2. Pulau Perhentian Besar
3. Pulau Lang Tengah		
4. Pulau Redang		
5. Pulau Kapas dan		
6. Pulau Tenggol		
Pahang	1. Pulau Tioman	
	2. Pulau Tulai	
	3. Pulau Chebeh	
	4. Pulau Seri Buat	
	5. Pulau Sembilang	
Johor	1. Pulau Hujung	
	2. Pulau Tengah	
	3. Pulau Rawa	
	4. Pulau Besar	
	5. Pulau Tinggi	
	6. Pulau Mentinggi	
	7. Pulau Sibul	

- (c) Pengwujudan Taman Laut telah memberi kesan positif terhadap perkembangan dan peningkatan sumber perikanan di perairan perikanan Malaysia, menyumbang terhadap bidang pendidikan dan penyelidikan alam sekitar (Marin) serta perkembangan industri pelancong.

Tuan Mustafa bin Awang: Soalan tambahan. Dalam banyak-banyak pulau yang disebut oleh Timbalan Menteri, mengapa Pulau Bidong tidak termasuk dalam senarai Taman Laut?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara 22 pulau tersebut dikenalpasti sebagai tempat-tempat yang sesuai. Lain-lain pulau itu akan diambil kira dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin supaya membetulkan kesilapan taip daripada Menteri Dalam Negeri" kepada Menteri Pengangkutan". Saya minta izin, soalan No. 4.

KAMERA HAD LAJU DI LEBUHRAYA

4. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kenderaan yang menyalahi had laju pemasangan kamera di lebuhraya dan denda yang dikutip; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang pemasangan kamera had laju dilaksanakan di semua lebuhraya dan jumlah kos perbelanjaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari 1hb April 1991 hingga 30hb Jun 1991 sejumlah 11,153 kesalahan yang dilakukan oleh kenderaan yang melalui lebuhraya dirakam. Ketika ini sebanyak 135 laporan telah dibuat di Balai Polis Rawang dan Bentong. Dari jumlah 135 saman yang dikeluarkan itu, sebanyak 23 pesalah telah membayar kompaun mereka yang berjumlah \$3,850.
- (b) Pada masa ini kamera had laju hanya dipasang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sebagai pilot project, dengan izin dan mula beroperasi pada 1hb April

1991. Kerajaan belum bercadang untuk memasangkannya di lebuhraya-lebuhraya yang lain. Ini adalah kerana keberkesanan dari pemasangan alat tersebut perlu dikaji terlebih dahulu. Jika didapati ianya berkesan, mungkin Kerajaan akan memasang alat ini di lebuhraya-lebuhraya yang lain di masa-masa hadapan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk sementara ini apakah Kementerian mendapati kesan kepada pemasangan kamera ini dan baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar ada satu kemalangan meragut enam nyawa dari dua keluarga. Apakah ini kawasan dekat dengan kamera ini ataupun jauh?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara ini terdapat kes-kes kemalangan telahpun kurang selepas pemasangan kamera itu iaitu dengan angka-angka ini boleh menunjukkannya. Jumlah bilangan kemalangan pada bulan Mac sebelum kuatkuasa kamera itu ialah 100 kes kemalangan, untuk bulan April sudah turun kepada 82 kes dan untuk bulan Mei sudah turun kepada 47 kes. Untuk kesalahan-kesalahan yang telah dirakamkan bilangannya pun telah turun dengan jelas iaitu pada bulan April sejumlah 6,459 kes telah dirakam, untuk bulan Mei 3,960 kes dirakam dan sehingga bulan Jun tahun ini iaitu separuh tahun cuma 734 kes ada dirakam. Maka dengan angka-angka itu jelas menunjukkan sudah kurang kemalangan.

PRESTASI BANK YANG DIAMBILALIH OLEH BANK NEGARA

5. Tuan Dahlan bin Haji Embun minta Menteri Kewangan menyatakan sejak beberapa bank diambil alih oleh pihak Bank Negara apakah prestasi bank-bank tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, kesemua tiga buah bank yang diambilalih kawalannya oleh Bank Negara Malaysia pada pertengahan tahun 1980an iaitu United Asian Bank Bhd., Perwira Habib Bank Bhd. dan Sabah Bank Bhd. Kini telah berjaya dipulihkan dan mencapai prestasi yang menggalakkan.

Bank-bank tersebut telah diambilalih kerana mengalami kerugian yang teruk sehingga menjejaskan kumpulan wang modal mereka. Dalam tahun 1985 dan 1986 misalnya, ketiga-tiga bank tersebut telah mengalami kerugian sebanyak \$1,267 juta. Bagaimanapun dalam tahun 1987, United Asian Bank Bhd. dan Perwira Habib Bank Bhd. telah mula mendapat keuntungan sebelum cukai iaitu masing-masing sebanyak \$4.1 juta dan \$6.6 juta. Keuntungan United Asian Bank meningkat kepada \$52.4 juta dalam tahun 1990 manakala Perwira Habib Bank mencapai keuntungan sebanyak \$26.6 juta dalam tahun 1990.

Bagi Sabah Bank Bhd. pula, ia mula mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak \$8.8 juta dalam tahun 1988 dan keuntungan ini telah meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencapai \$13.4 juta dalam tahun 1990.

Selaras dengan dasar Bank Negara untuk menjual kepentingannya dalam institusi-institusi kewangan yang diambilalih sebaik sahaja institusi-institusi kewangan tersebut mencatatkan keuntungan, Bank Negara baru-baru ini telahpun menjual semua sahamnya dalam United Asian Bank. Bank Negara juga telah menjual sebahagian daripada ekuitinya dalam Sabah Bank Bhd. kepada Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1990 dan sedang mengambil tindakan lanjut untuk menjual bakinya.

Perwira Habib Bank pula sedang dalam proses penyusunan semula struktur modalnya dan Bank Negara Malaysia akan menjual ekuitinya dalam bank tersebut selepas penyusunan semula itu selesai dijalankan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada Bank Negara. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, adakah selepas Bank Negara mengambilalih ketiga-tiga bank yang disebutkan tadi dan selepas dipulihkan, adakah Bank Negara membuat satu siasatan apa sebab-sebab yang menyebabkan kerugian kepada ketiga-tiga bank. Adakah kerana penyelewengan dari pihak-pihak ataupun Ahli-ahli Lembaga Pengarah?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengambil alih bank-bank tersebut, Bank Negara telahpun menjalankan penyiasatan dan di antara sebab-sebab kerugian yang dialami oleh bank-bank tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985/1986;
- (ii) peruntukan hutang ragu, dengan izin, non performance loan;
- (iii) tahap pengurusan yang kurang memuaskan;
- (iv) tumpuan yang lebih diberikan kepada sektor hartanah di mana apabila sektor ini mengalami kemelesetan, ketiga-tiga bank itu turut terjejas; dan
- (v) terdapat pinjaman yang dikeluarkan berdasarkan kepada saham-saham yang telah merosot nilai mereka.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia tidak termasuk dalam pengambilalih untuk diselaraskan

walaupun bank ini di bawah Bank Pembangunan Koperasi, Bank Negara dirasakan perlu menyelaraskannya seperti bank-bank yang lain.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang dalam negara ini Bank Kerjasama Rakyat adalah sebuah bank yang terletak di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi dan tidaklah tertakluk di bawah kawalan Bank Negara dan keadaan ini masih lagi berkekalan pada masa ini.

SINDIKET MELARIKAN GADIS

6. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selama ini berapa orang gadis berumur 21 ke bawah telah dilaporkan hilang setiap tahun sejak tahun 1989, dan hingga kini, berapa orang telah dikesani:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap sindiket yang melarikan gadis-gadis, khususnya "bapa ayam" (pimp); dan
- (b) apakah langkah/tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian seperti ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan bagi gadis-gadis di bawah umur 21 tahun yang dilaporkan hilang sejak tahun 1989 dan dijumpai balik adalah seperti berikut:

Tahun	Hilang	Dijumpai Balik
1989	1,602	180
1990	1,221	255
1991 (sehingga Jun)	480	37

- (a) Tindakan yang telah diambil terhadap sindiket yang melarikan gadis-gadis khususnya "bapa ayam" (pimp) ialah

mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah sekiranya ada keterangan yang mencukupi hasil dari kerjasama mangsa-mangsa. Selain daripada itu tindakan juga diambil terhadap ketua-ketua sindiket atau penganjur-penganjur pelacuran di bawah pencegahan.

- (b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kejadian seperti ini ialah memberi kesedaran kepada golongan remaja serta keluarga mereka dengan mendedahkan kes-kes terlibat melalui mass media. Ibu bapa juga diseru memainkan peranan mereka dengan mendidik dan memberi pelajaran agama dan moral secukupnya kepada anak-anak. Ibu bapa juga hendaklah mengawal dari segi pergaulan bebas anak-anak gadis mereka yang senang dipengaruhi oleh gejala-gejala buruk.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan. Baki yang tidak dijumpai lagi ini adalah lebih ramai daripada yang dijumpai. Mungkinkah orang ini ada dalam negara ataupun telah dijual ke luar negeri dalam bentuk perniagaan mewah. Mungkinkah ada umur yang kurang daripada 15 tahun yang terlibat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi pihak Kementerian untuk menyatakan berapa bilangan mereka yang masih berada dalam negara dan berapa bilangan mereka yang di luar negara sebab faktor-faktor kehilangan mereka itu adalah pelbagai. Memang banyak faktor yang dapat kita kesan dan kalau saya hendak terangkan di sini ianya agak panjang, maka saya tidak dapat memberi maklumat dengan tepat di mana mereka ini berada.

Puan Hajah Salbiah bin Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mereka yang hilang ini, dijumpai semula di mana? Dalam negeri atau luar negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, yang dijumpai itu kebanyakannya adalah di dalam negeri. Di dalam negerilah boleh dikesan dengan cepat dan itupun dengan kerjasama daripada keluarga mangsa dan orang ramai.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah sindiket itu dijalankan oleh rakyat Malaysia atau orang asing atau berkongsi? Adakah gadis-gadis yang dicolek itu digunakan untuk mengedar dadah selain daripada melacur?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sindiket-sindiket yang disebut tadi itu adalah kebanyakannya orang tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini polis telah dapat menangkap beberapa orang penganjur iaitu pada tahun 1989—7 orang penganjur telahpun ditangkap dan ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad.

Untuk tahun 1990 10 orang penganjur telah ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad dan sehingga Julai tahun ini, 9 orang pengajur telahpun ditahan.

Mengenai mereka yang hilang ini dan apa mereka buat, sepertimana saya sebut tadi terdapat banyak faktor, iaitu bergantung kepada punca-punca kehilangan mereka. Saya boleh beri beberapa faktor di sini. Antara lain mereka yang hilang boleh disebabkan terpengaruh atau mengikut teman lelaki, kalau kategori itu memang dia ikut teman lelakilah, kalau lelaki itu jahat-jahatlah. Kalau lelaki itu masuk sindiket, maka dia pun masuk sindiket pelacuran.

Untuk jawapan (b), berselisih faham dengan keluarga juga menjadi satu faktor, kurang kawalan dari ibu bapa pun jadi satufaktor. Ada juga kes yang tidak siuman pun ada, yang melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran kerana ingin kepada kemewahan hidup pun ada. Faktor kemiskinan pun menjadi satu faktor, menerima layanan buruk dari keluarga tiri juga satu faktor, mengikut orang yang telah menjanjikan pekerjaan juga satu faktor dan terlibat dalam kegiatan najis dadah pun ada. Jadi, dengan beberapa contoh faktor itu saya rasa, tidak dapat kita sekaligus menyimpulkan kebanyakan mereka yang hilang ini jatuh pada kategori yang sama.

MAJISTRET—BILANGAN PENGAMBILAN

7. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah bilangan pengambilan Majistret baru setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, pengambilan Majistret baru semenjak 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985	32 orang
1986	27 orang
1987	19 orang
1988	Tiada
1989	42 orang
1990	34 orang
1991 (hingga setakat hari ini)	13 orang
Jumlah	<hr/> 167 orang <hr/>

SISA-SISA TOKSIK—TINDAKAN

8. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa terdapat pembuangan secara terbuka sisa-sisa toksik oleh sebuah kilang yang mengeluarkan racun tumbuhan (herbicide) 2,4-D agent orange fame tanpa mendapat kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar telah dijumpai di kawasan perairan Pelabuhan Kelang Utara. Memandangkan bahawa negara-negara maju telah mula menghentikan pengeluaran 2,4-D disebabkan oleh kesan merbahayanya ke atas kesihatan manusia, adakah Kerajaan kita mengambil sebarang langkah positif untuk mengawal operasi sebegini di negara ini. Nyatakan langkah-langkah yang diambil.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa terdapat pembuangan secara terbuka sisa-sisa toksik oleh kilang 2,4-D di Selat Klang Utara. Lawatan pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar telah mendapati bahawa kilang belum beroperasi dan tidak melepaskan sebarang buangan ke kawasan perairan Selat Klang Utara.

Sebenarnya bahan kimia 2,4-D yang akan dikeluarkan oleh kilang ini bukanlah agent orange seperti yang dimaksudkan. Agent orange yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah campuran kimia 2,4,5-T dan 2,4-D. Manakala kimia 2,4-D ini adalah racun tumbuhan yang didaftarkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, kerana ia didapati selamat untuk digunakan jika mengikut kaedah yang ditetapkan. Mengikut data-data yang diperolehi daripada badan antarabangsa seperti International Register for Potentially Toxic Chemicals (IRPTC), tiada negara

yang mengharamkan pengeluaran dan penggunaan 2,4-D cuma penggunaannya sahaja dihadkan untuk sesuatu tujuan tertentu.

Mengenai keselamatan kilang-kilang kimia, Kerajaan memang telah dan sentiasa mengambil langkah positif dalam mengawal operasi kilang-kilang kimia seperti ini. Kilang-kilang seperti ini tidak akan dibenarkan beroperasi sekiranya kilang tiada mempunyai langkah-langkah kawalan tertentu. Jabatan Alam Sekitar juga akan memastikan bahawa sebarang pelepasan dari kilang, sama ada ke dalam udara atau ke dalam sistem air mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan. Kilang-kilang seperti ini juga diminta mengemukakan laporan analisis risiko dan prosedur tindakan kecemasan bagi menentukan tahap risiko kilang, alat-alat keselamatan yang dipasang serta prosedur komunikasi yang berkesan sekiranya berlaku kemalangan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan alam sekitar. Kilang hanya dibenarkan beroperasi setelah semua Jabatan yang berkaitan berpuashati dengan perkara-perkara yang saya nyatakan di atas.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa bilangan kilang semakin meningkat, apakah cadangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengatasi pembuangan sisa-sisa toksik untuk jangka panjang? Adakah Kementerian telah dapat mengesan suatu tempat untuk pembuangan sisa-sisa toksik?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ada langkah yang diambil, seperti yang saya sebutkan tadi untuk mengawal sisa-sisa toksik yang dikeluarkan oleh kilang-kilang di negara kita khususnya di Pelabuhan Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang sisa-sisa toksik ini memang dikawal secara undang-undang yang sedia ada, iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979. Regulation atau peraturan ini memang digunakan dan dijalankan serta dikuatkuasakan dengan ketatnya terhadap kilang-kilang yang membuang sisa-sisa toksik ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian buat masa sekarang ini melalui cara 'Hotline' yang digunakan telahpun menerima banyak aduan tentang kilang-kilang ini sama ada kilang yang mengeluarkan habuk atau asap, bau busuk, pelepasan effluen dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah aduan ini diterima Kementerian telah menghantar Pasukan-pasukan Petugas untuk menyiasat dan jika ada kesalahan, mereka yang bersalah itu akan dihadapkan ke mahkamah atau dikompaukan.

MUARA SUNGAI TERENGGANU SEBAGAI PELABUHAN DI PANTAI TIMUR

9. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang menghalang bagi menjadikan muara Sungai Terengganu sebagai pelabuhan di sebelah Pantai Timur kerana di sini terdapat tempat membina kapal-kapal sejak pra sejarah lagi dan pulau-pulau di sekitarnya juga telah dijadikan tempat berlabuh kapal-kapal besar dari seluruh dunia sehingga ke hari ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada Kajian Pelabuhan-pelabuhan Kebangsaan yang dilaksanakan dahulu, Kerajaan telah

mengadakan satu rangka rancangan menyeluruh mengenai pembangunan pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Kerajaan tidak dapat mengadakan pelabuhan-pelabuhan di tiap-tiap negeri di seluruh negara oleh kerana negara kita tidak memerlukan sebegitu banyak pelabuhan.

Muara Sungai Terengganu tidak dijadikan pelabuhan di sebelah Pantai Timur, oleh kerana di kawasan tersebut telah terdapat Pangkalan Perbekalan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan yang mampu mengendalikan kargo dari negeri-negeri Pantai Timur.

Antara lainnya, Kajian Pelabuhan-pelabuhan Kebangsaan telah mengesyorkan penubuhan 'load centre port', dengan izin, supaya dapat memuatkan pengendalian kargo-kargo tertentu di pelabuhan-pelabuhan tertentu melalui 'cargo consolidation', dengan izin, untuk memperolehi satu volume yang dapat menarik lebih banyak perkhidmatan kapal secara langsung melalui pelabuhan-pelabuhan kita. Dengan yang demikian, dapatlah Kerajaan mempertingkatkan penggunaan lebih pelabuhan-pelabuhan tempatan.

Di samping itu, Pelabuhan-pelabuhan Malaysia yang sedia ada sedang dalam pembinaan projek-projek pembesaran sama ada dari segi kemudahan atau peralatan bagi mengadakan lebih lagi kapasiti, dengan izin, untuk menampung permintaan serta memperbaiki kecekapan di pelabuhan-pelabuhan. Usaha-usaha ini adalah untuk memberi perkhidmatan kepada hinterland, dengan izin, iaitu pendalaman nasional dan kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia.

Kerajaan juga sedang giat menjalankan projek-projek infrastruktur yang lain seperti Lebuh raya Utara-Selatan, Lebuh raya Timur-Barat dan memperbaiki jalan-jalan raya yang lain. Kerajaan juga berusaha dalam de-regulation, dengan izin. Semua

tindakan Kerajaan adalah bertujuan untuk mempermudah perdagangan dan menggalakkan lebih lagi penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia yang ada.

Muara Sungai Terengganu juga tidak sesuai untuk pelabuhan oleh kerana masalah-masalah fizikal dan teknikal iaitu kekurangan tanah, masalah pemendapan yang menyebabkan kawasan itu cetek dan memerlukan kerja-kerja korek-mengorek yang kerap mesti dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

(Soalan No. 10 Y.B. Puan Kalthom binti Haji Othman tidak hadir)

MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN

11. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk mengumumkan Laporan Majlis Perundingan Akta Pendidikan (MPAP) kerana ia adalah dokumen yang penting.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Akta Pendidikan ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan menjalankan tugasnya. Maka itu, pandangan dan cadangan ahli-ahli Majlis itu akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet berkenaan, bukan kepada orang ramai.

KABUS/JEREBU—LANGKAH PENCEGAHAN

12. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan

kabus yang timbul semula di pertengahan bulan Jun 1991 dan Jabatan Kaji Cuaca menyatakan kabus akan berterusan sehingga Ogos dan ia adalah fenomena biasa:

- (a) sebab-sebab Kementerian tersebut mengatakan kabus adalah satu fenomena biasa pada masa kini dan bukan pada masa dahulu;
- (b) bagaimana Kementerian akan meningkatkan kesedaran rakyat tentang kempen mengurangkan kabus seperti membakar sampah pada masa itu; dan
- (c) bagaimana kabus boleh mengancam kesihatan orang ramai dan langkah pencegahan yang diambil supaya kabus tidak menjejaskan kesihatan rakyat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) fenomena jerebu atau kabus yang dimaksudkan dalam soalan itu atau haze, dengan izin, berlaku bukan sahaja pada masa kini, tetapi juga pada masa dahulu terutamanya di kawasan bandar dan semasa musim kering. Fenomena jerebu ini biasanya berlaku pada musim Barat Daya atau South-west Monsoon, dengan izin, yang dialami di Semenanjung Malaysia dari bulan Jun sehingga awal September. Semasa ini cuaca kering kerap berlaku dengan keadaan angin perlahan yang merupakan keadaan yang sesuai atau favourable, dengan izin, untuk kejadian jerebu. Jerebu ringan itu berlaku kerana asap dari kenderaan-kenderaan yang bertambah dari tahun ke tahun, terutamanya di Lembah Kelang dan di bandar-bandar besar yang lain.

(b) Kementerian akan meningkatkan kesedaran rakyat tentang kempen mengurangkan kabus atau jerebu dengan langkah-langkah berikut:

- (i) menyiarkan amaran melalui Radio dan Televisyen kepada rakyat supaya tidak mengamalkan pembakaran sampah semasa keadaan jerebu berlaku;
- (ii) meningkatkan kempen penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- (iii) menyediakan talian 'hotline' bagi membolehkan orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti pembakaran oleh mana-mana pihak; dan
- (iv) mengumumkan status kualiti udara dari masa ke semasa melalui media massa dalam keadaan berjerebu ini;

(c) Kesan buruk kesihatan yang disebabkan oleh kabus bergantung kepada faktor-faktor seperti jenis bahan pencemaran di udara, kepekatan bahan pencemaran di udara, jangka masa pendedahan kepada bahan pencemaran dan taraf kesihatan seseorang.

Langkah pencegahan yang boleh diambil supaya tidak menjejaskan kesihatan rakyat terbahagi kepada dua:

- (i) langkah pencegahan permulaan meliputi segala usaha untuk mencegah dan/atau mengurangkan penghasilan bahan pencemaran pada punca atau source; dan

(ii) langkah pencegahan selanjutnya adalah mengurangkan kemungkinan terdedah kepada bahan pencemaran tersebut seperti menghadkan aktiviti luar rumah.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

TOL—JUMLAH KUTIPAN

13. Dr Nordin Selat minta Menteri Kerja Raya menyatakan pendapatannya dari kutipan tol sehingga akhir tahun 1990. Apakah jumlah kutipan bagi tiap-tiap jalanraya yang dikenakan tol sehingga 1990.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan tol bagi lebuhraya yang dikenakan tol sehingga tahun 1990 adalah sebanyak \$621.3 juta seperti berikut:

<i>Lebuhraya</i>	<i>Hasil Kutipan Tol (M\$ Juta)</i>
Jambatan Pulau Pinang	147.2
Bukit Kayu Hitam—Jitra	1.5
Jitra —Gurun	11.4
Changkat Jering—Ipoh	34.0
Slim River—Tanjung Malim	25.1
Kuala Lumpur—Pagoh	221.6
Kuala Lumpur—Karak	49.4
Senai—Johor Bahru	26.5
Pintu Masuk Johor Bahru (Tambak Johor)	36.8
Jalan Kuching	45.84
Jalan Lintas Selat Klang Utara	21.97
Jumlah	\$621.3 juta

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi, soalan tambahan saya adakah Kementerian menghadkan tempoh masa bagi setiap tol supaya pemaju berkenaan berhenti atau mengurangkan bayaran tol, misalnya, apabila wang kutipan sudah cukup atau tempoh masa sudah cukup demi mengurangkan beban penggunaan jalan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kutipan tol ini memang ada had masanya. Kebanyakan Lebuhraya Utara dan Selatan itu dihadkan selama 30 tahun, dan yang lain itu mengikut masa yang ditetapkan. Ada had masanya.

SEMINAR SUFI PERINGKAT KEBANGSAAN—HASIL

14. Tuan Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kesan-kesan positif hasil usaha baik Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri mengadakan Seminar Sufi Kebangsaan yang telah diadakan sebanyak 6 kali;
- (b) berapa banyakkah kumpulan Amalan Tarikat yang menyeleweng seperti Aurad Muhammadiyah (Darul Arqam) yang balik ke pangkal jalan yang sebenar.

Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) di antara kesan-kesan positif hasil dari Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan bagi menyekat amalan dan ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam ialah:

- (i) wujudnya kesedaran di kalangan umat Islam khususnya peminat-

peminat aliran kerohanian untuk merujuk perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu-ilmu kerohanian ini kepada pihak-pihak berkuasa agama terutama Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, sedangkan sebelum ini sebahagian dari pengamal-pengamal ilmu kerohanian berkenaan menganggap bahawa pihak-pihak lain tidak layak mencampuri urusan mereka. Oleh yang demikian, telah wujud hubungan yang baik di kalangan peminat-peminat amalan kerohanian, tarikat dan tasauf dengan pihak-pihak berkuasa agama Islam di negara ini.

- (ii) Masyarakat umum mendapat penerangan yang lebih jelas mengenai ilmu tasauf atau kerohanian apabila Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri menerbitkan beberapa buah buku dan risalah hasil dari Seminar tersebut.

- (b) Setakat ini terdapat enam kumpulan ajaran sesat dan tarikat yang telah insaf dan bertaubat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika terdapat Kumpulan Darul-Arqam yang masih belum mahu bertaubat, apakah Kementerian masih membiarkan mereka untuk mengembangkan ajaran sesat mereka di seluruh dunia?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat menyebut di

seluruh dunia, bererti kita tidak ada kawalan mengenai hal-hal di negara lain. Ada pun bagi negara Malaysia, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan ialah memberi penerangan kepada orang ramai termasuk ahli-ahli pengikut Darul-Arqam dan kesannya sangat positif. Orang ramai sudah mula menjauhkan diri daripada kumpulan itu dan ada di antara pengikut-pengikut kumpulan itu yang telah kembali ke pangkal jalan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi beberapa contoh amalan sesat yang diamalkan oleh pasukan ini, oleh Aurad Muhammadiyah ini.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara terdapat dalam buku yang bertajuk Aurad Muhammadiyah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagai bercanggah dengan ajaran Islam.

Yang pertama, ialah ajaran mengatakan bahawa guru yang asal, yang membawa ajaran itu yang berasal dari Tanah Jawa telah berjumpa dengan Nabi Muhammad di Mekah, dalam kira-kira 200 tahun yang lampau. Ajaran ini salah kerana ini bererti bahawa Nabi Muhammad masih hidup dan implikasi daripada ajaran yang serupa ini ialah bahawa Al-Quran itu belum sempurna, masih diturunkan dan Hadis-hadis masih boleh diwujudkan.

Maka ini adalah bercanggah, sedangkan aktiviti pendidikan yang diberikan oleh umat Islam kepada generasi de.ni generasi bahawa Nabi Muhammad itu telah wafat dan Nabi yang terakhir dan pendidikan dewasa kita pun apabila orang pergi ke Mekah, kita berusaha menunjukkan bahawa ada kubur Nabi Muhammad s.a.w. dalam Masjid di Madinah untuk meyakinkan

orang bahawa wafatnya Nabi dan telah habislah Nabi, tidak ada lagi Nabi selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w. Ini salah satu perkara yang ditonjolkan. Yang lain ialah benda-benda khurafat, superstition di keliling guru itu, bahawa gurunya tidak mati, kemudian boleh berjalan di atas air, kalau lapar dia pegang apa sahaja akan menjadi buah-buahan dan makanan. Ini adalah perkara-perkara yang salah di dalam ajaran Islam.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN—KELEWATAN PEMBINAAN

15. Dato' William Chek Lin Kwai minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sebab kelewatan dalam pembinaan sejumlah besar Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan walaupun tempoh pembinaan telah dilanjutkan beberapa kali; dan
- (b) tindakan yang akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor yang melengah-lengahkan penyediaan sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak projek sekolah-sekolah terutamanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menghadapi kelewatan, adalah tidak begitu tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1985 hingga tahun 1990 sebanyak 33 buah sekolah SRJK (C) telah dibina. Dari jumlah yang tersebut, 28 buah sekolah SRJK (C) telah siap, sementara baki 5 buah lagi sedang dibina dalam tempoh perlanjutan masa. Kerajaan yakin kelima-lima kontraktor-kontraktor ini dapat menyiapkan kerja mereka mengikut jadual lanjutan masa.

Bagi SRJK (T) pula, sebanyak 29 buah sekolah telah dibina dalam tempoh tersebut iaitu tahun 1985 hingga tahun 1990. Dari jumlah

tersebut 17 buah telah siap, manakala baki 12 buah lagi sedang dalam pembinaan iaitu 8 buah di negeri Perak, 2 buah di negeri Kedah dan 2 buah di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya prestasi kerja kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek-projek ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, ada sebilangan kecil sahaja kontraktor-kontraktor yang menghadapi masalah. Daripada tinjauan Kementerian ini sebab-sebab utama mereka ini menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan adalah seperti berikut—

- (i) kurang pengalaman terutamanya dalam pengurusan dan kewangan;
- (ii) masalah kewangan atau 'cash flow'; dan
- (iii) kenaikan harga bahan-bahan binaan jika dibandingkan dengan anggaran harga bahan-bahan binaan semasa tender.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengawasi kemajuan projek-projek itu dan akan mengambil langkah untuk menamatkan kontrak yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan mengikut jadual masa lanjutan yang diberikan dan seterusnya memanggil kontraktor-kontraktor yang baru untuk menyiapkan projek itu.

PAJAK GADAI—PENGAWASAN

16. Tuan C. Krishnan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai kedudukan Pajak Gadai di Malaysia dan sejauh manakah sistem ini berkesan dalam membantu para pengguna yang kesempitan kewangan terutamanya dari masyarakat bawahan; sedarkan pihak Kerajaan bahawa kebanyakan dari para pelesen Pajak

Gadai ini adalah pemerias dan tidak patuh kepada syarat dan undang-undang yang telah ditentukan. Apakah kawalan yang sedang diatur, dibuat bagi menentukan bahawa para pengguna akan sentiasa mendapat perlindungan haknya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan Peraturan Pemegang Pajak Gadai 1972 telah dikuatkuasakan sejak 2hb Januari, 1973. Sejak tempoh tersebut sehingga sekarang, Peraturan Pemegang Pajak Gadai telah dipinda sebanyak lima kali. Pindaan-pindaan tersebut perlu dibuat bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan peraturan itu sendiri dan seterusnya bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna-pengguna.

Sungguhpun Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 itu diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan maksud untuk menyelaraskan kegiatan Pajak Gadai di seluruh negara, kuasa bagi pelaksanaan Akta ini juga diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dilantik sebagai Pegawai Pelesenan dan beberapa orang pegawai negeri juga turut dilantik sebagai Merinyu Pajak Gadai bertujuan untuk memastikan bahawa pengawasan ke atas kegiatan Pajak Gadai boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kementerian ini memang menyedari tentang terdapatnya kes-kes penyelewengan di dalam kegiatan Pajak Gadai. Aduan-aduan mengenai penyelewengan kegiatan ini yang diterima oleh pihak Kementerian ini telah dapat diselesaikan melalui khidmat nasihat secara lisan atau pun

bertulis. Sekiranya didapati perlu, lawatan pemeriksaan ke kedai-kedai Pajak Gadai akan dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan juga pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dengan adanya pengawasan yang lebih rapi adalah diharapkan kegiatan penyelewengan boleh dikurangkan jika tidak dapat dihapuskan sama sekali. Kementerian ini akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pengawasan dapat dibuat dengan lebih sistematik dan berkesan.

PENJUAL MAKANAN—AMALAN KEBERSIHAN

17. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Kesihatan menyatakan terdapat bilangan pengguna yang menghidap penyakit bertambah akibat dari membeli makanan-makanan yang disediakan di tempat-tempat yang tidak mematuhi amalan kebersihan. Apakah hasil tindakan Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil terhadap penjual makanan adalah seperti berikut:

- (i) Pihak premis makanan telah dinasihatkan supaya sentiasa mengawasi dengan kerap dan teliti keadaan kebersihan premis-premis makanan di tempat mereka. Perhatian perlu ditekankan untuk mengadakan peralatan yang bersih dan sesuai, memastikan tahap kebersihan pengendali makanan yang memuaskan, mengendali makanan dengan cara-cara yang dapat mengelakkan pencemaran serta menyimpan makanan di tempat yang selamat, sama ada bahan makanan mentah atau pun makanan yang sedia dimakan.

- (ii) Memberi pelajaran kesihatan secara nasihat dan tunjukajar kepada pihak pengurusan premis makanan dan pengendali makanan yang bekerja di premis tersebut. Pendidikan kesihatan juga diberi kepada orang ramai sebagai konsumer untuk menjauhi makanan yang tidak bersih.

- (iii) Penguatkuasaan undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang sentiasa dijalankan oleh Penguasa-penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Penguatkuasaan ini akan lebih diketatkan lagi.

Hasil daripada tindakan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ialah peningkatan kesedaran orang ramai serta pengendali-pengendali makanan terhadap kebersihan diri dan cara pengendalian makanan yang lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke-18.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERLIS—TAMBAHAN KAKITANGAN

18. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bilakah Kerajaan hendak menambah bilangan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis bagi membolehkan Jabatan itu mengendalikan urusan yang bertambah dari setahun ke setahun dengan lebih sempurna dan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perpaduan Negara dan Perpaduan Masyarakat—ini nama barunya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis adalah sebuah Jabatan Negeri dan oleh yang demikian ianya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Perlis. Walau bagaimanapun, Pegawai-pegawai Persekutuan ditempatkan di dalam Jabatan itu untuk mengendalikan perkhidmatan kebajikan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Jika soalan Yang Berhormat bermaksud kakitangan Kerajaan Persekutuan tersebut, maka adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menambah bilangan kakitangannya secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keperluan dan keadaan peruntukan.

KOPERASI KECIL— PENGECUALIAN CUKAI

19. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Kewangan menyatakan adakah koperasi-koperasi kecil dan sederhana, aktivitiinya melibatkan pengeluaran hasil hutan (kayu balak, rotan, buluh, perlombongan) dimestikan membayar cukai.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lebih kurang 3,027 buah koperasi yang berdaftar di negara ini. Semua koperasi termasuk koperasi kecil dan sederhana yang terlibat dalam pengeluaran hasil hutan seperti kayu balak, rotan, buluh dan perlombongan, adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan selama 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut. Selepas tempoh ini, koperasi yang mempunyai

dana ahli-ahli sebanyak \$500,000 atau kurang akan terus dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM—USAHA KERAJAAN

20. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) sejauhmanakah perkembangan dan kejayaan Pusat Islam dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini;
- (b) sejauhmanakah perkembangan usaha Kerajaan untuk menyebarkan undang-undang pentadbiran Islam di negara ini; dan
- (c) bagaimanakah bentuk dan dayausaha yang akan dilakukan oleh Sekretariat Menteri-menteri Agama ASEAN (khususnya Indonesia dan Brunei).

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabnya:

- (a) usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini bukan dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sahaja, tetapi oleh beberapa banyak lagi agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Badan-badan bukan Kerajaan dan juga oleh individu-individu. Peranan Bahagian Hal Ehwal Islam dalam Bidang ini ialah—
 - (i) menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan program dakwah dan pendidikan agama antara jabatan-jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri;

- (ii) mengadakan kursus-kursus keIslaman untuk pegawai-pegawai Kerajaan, swasta dan ketua-ketua masyarakat;
- (iii) mengadakan kelas-kelas pengajian agama di masjid-masjid dan surau-surau;
- (iv) membuat kajian dan menyelidiki dan seterusnya merakau-perakau dalam rangka memperkenalkan institusi-tinsitusi, undang-undang, peraturan-peraturan dan amalan-amalan serta nilai-nilai yang berunsur atau berasaskan agama Islam bagi menggantikan mana yang perlu dan medesak, apa yang ada dan diamalkan dalam masyarakat sekarang; dan
- (v) membantu mengawal akidah dan amalan umat Islam dari dicemari dan dirosakkan oleh anasir dan pengaruh yang bertentangan dengan hukum syarak.

Kejayaan usaha penerapan nilai-nilai Islam tidak dapat diukur secara hakiki. Apa yang dapat kita semua saksikan sekarang tentang kesedaran umat Islam di negara ini, pengetahuan mereka serta penghayatan ajaran Islam dalam berbagai bidang kehidupan di negara ini adalah hasil usaha yang berterusan yang telah dijalankan oleh berbagai pihak yang telah dinyatakan itu.

- (b) Setakat ini beberapa deraf undang-undang telah disiapkan dan dikemukakan kepada Pihakberkuasa Kerajaan Negeri untuk diterima-pakai. Ada beberapa negeri telah menerima pakai dan menguatkuasakan undang-undang yang dicadang-

kan itu. Deraf undang-undang yang telah disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut—

- (1) Undang-undang Keluarga Islam;
- (2) Undang-undang Pentadbiran Islam;
- (3) Kanun Acara Jenayah;
- (4) Kanun Acara Mal;
- (5) Undang-undang Keterangan Islam;
- (6) Undang-undang Kesalahan Syariah Islam; dan
- (7) Prosedur Kaedah Peguam Syarie.

- (c) Setakat ini belum ada apa yang dinamakan Sekretariat Menteri-menteri Agama ASEAN. Apa yang sebenarnya telah berjalan selama ini ialah pertemuan tahunan tidak rasmi Menteri-menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia. Dua kali pertemuan telah berlangsung dan dalam pertemuan yang kedua di Kuala Lumpur telah dipersetujui mengenai kaedah dan cara pelaksanaan kerjasama antara negara-negara itu dalam bidang kawalan akidah umat Islam, kawalan barang gunaan dan makanan orang Islam dan pelaksanaan undang-undang Keluarga Islam serta penye-larasan taqwim Islam. Pertemuan itu telah bersetuju supaya ditubuhkan Jawatan-kuasa-jawatankuasa Tetap antara negara bagi melak-sanakan kerjasama dalam tiap-tiap bidang yang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan telah habis dan kita terus pergi ke urusan yang lain sekarang.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 21 hingga 43 adalah diberi di bawah ini)

PENSWASTAAN—BILANGAN PROJEK

10. Puan Khaltom binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak dasar penswastaaan diperkenalkan dalam tahun 1983, sudah berapa projekkah yang sudah diswastakan dan apakah projek-projek tersebut;
- (b) berapa projekkah yang sudah diluluskan untuk diswastakan yang sedang menunggu pelaksanaan dan apakah projek tersebut; dan
- (c) berapakah pula yang menunggu kelulusan dan projek apa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini 40 perkhidmatan/syarikat Kerajaan telah diswastakan yang melibatkan perusahaan-perusahaan pengangkutan, pembinaan, pertanian, perhubungan, 'utilities' dan perkhidmatan. Projek-projek yang berkenaan adalah seperti berikut: -

PROJEK

1. Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)
2. Jalan Pintas Klang Utara.
3. Sports Toto Malaysia Bhd.
4. Malaysia Airline System Bhd.
5. Jambatan Jalan Kuching.
6. Depoh Baikpulih Kapal-terbang.
7. Terminal Kontena Pelabuhan Klang.
8. Malaysia International Shipping Corporation Bhd. (MISC)
9. Bekalan Air Labuan.
10. Jambatan/Jejantas Kuala Lumpur.
11. Bekalan Air Semenyeh.
12. Pemasaran masa pengiklanan radio Malaysia.
13. Jabatan Telekom Malaysia.
14. Aktiviti Pemasaran RISDA.
15. Tradewinds.
16. Lebuhraya Utara Selatan.
17. Pemusnahan sampah DBKL.
18. Penyelenggaraan telaga-telaga tiub.
19. Labuan Beaufort Inter-connection.
20. Bekalan Air Ipoh, Perak.
21. Syarikat Gula Padang Terap.
22. Cement Manufacturing Sarawak Berhad.
23. Bekalan Air Larut Matang.
24. Kompleks Pelancongan Desaru.
25. Cawangan Percetakan Keselamatan, Jabatan Percetakan Negara.

26. Pusat Penyebelihan Babi, Shah Alam.
27. Lori Malaysia Berhad.
28. Edaran Otomobil Nasional.
29. Holiday Villages Sdn. Bhd.
30. Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
31. Pernas Hotels.
32. Lembaga Letrik Negara.
33. Paremba Berhad.
34. Kumpulan FIMA Berhad.
35. Kuari Penanti, Pulau Pinang.
36. Kuari Kuala Dipang, Perak.
37. Kuari Sungai Long, Selangor.
38. Kedah Cement Sdn. Bhd.
39. Far East Holdings Berhad.
40. Perbadanan Nasional Shipping Lines Bhd.

(b) Setakat ini sejumlah 23 entiti Kerajaan telah dikenalpasti untuk diswastakan pada tahun 1991. Manakala sejumlah 35 lagi telah dikenalpasti untuk disediakan dan disusun semula sebelum diswastakan. Bagi tahun 1991 pula sejumlah 14 entiti Kerajaan telah dikenalpasti untuk diswastakan dan sejumlah 21 lagi dikenalpasti untuk disediakan dan disusun semula. Senarai projek berkenaan ada dimasukkan dalam dokumen Pelan Induk Penswastakan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat banyak projek-projek yang sedang

dipertimbangkan termasuk projek-projek yang dicadangkan oleh pihak swasta. Malah pihak juruperunding kajian Pelan Induk Penswastakan telah mengenalpasti sejumlah 246 entiti Kerajaan yang sesuai diswastakan. Sebahagian daripadanya telah dimasukkan dalam Pelan Tindakan Penswastakan yang meliputi projek-projek yang akan diswastakan pada tahun 1991 dan 1992. Manakala sebahagian lagi akan dimasukkan di dalam pelan Tindakan tahun-tahun yang seterusnya. Senarai projek ini ada dimasukkan di dalam dokumen Pelan Induk Penswastakan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan dan dokumen tersebut boleh didapati dari Jabatan Percetakan Negara.

KES MAHKAMAH—BILANGAN DISELESAIKAN

21. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah bilangan purata kes-kes yang dapat diselesaikan pada tiap-tiap tahun sejak lima tahun kebelakangan ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bilangan kes yang dapat diselesaikan pada tiap-tiap tahun sejak lima (5) tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

1986	367,279
1987	387,391
1988	307,053
1989	325,176
1990	362,345

Jumlah kes-kes mahkamah yang dapat diselesaikan dalam tempoh lima tahun tersebut adalah sebanyak 1,749,244 iaitu 88.35% daripada kes-kes yang telah didaftarkan.

**STATISTIK KES-KES SIVIL DAN JENAYAH YANG DIDAFTARKAN,
DISELESAIKAN DAN TERTANGGUH DI MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH SESYEN
DAN MAHKAMAH MAJISTRET (1986—1990)**

TAHUN	MAHKAMAH TINGGI			MAHKAMAH SESYEN			MAHKAMAH MAJISTRET		
	Daftar	*Selesai	Tertangguh	Daftar	*Selesai	Tertangguh	Daftar	*Selesai	Tertangguh
1986	43,619	29,224	14,395	16,965	15,098	1,867	351,040	322,957	28,083
1987	46,715	31,299	15,416	17,465	15,543	1,922	370,162	340,549	29,613
1988	49,035	32,853	16,182	3,394	29,720	3,674	265,740	244,480	21,260
1989	50,709	31,874	18,835	21,873	16,748	5,125	284,530	276,554	7,976
1990	46,568	33,249	13,319	18,176	17,442	734	363,864	311,654	52,210
JUMLAH	236,646	158,499	78,147	107,873	94,551	13,322	1,635,336	1,496,194	139,142

**JUMLAH KESELURUHAN KES-KES YANG DIDAFTARKAN, DISELESAIKAN DAN
TERTANGGUH (1986-1990)**

TAHUN	DAFTAR	*SELESAI	TERTANGGUH
1986	411,624	367,279	44,345
1987	434,324	387,391	46,951
1988	348,169	307,053	41,116
1989	357,112	325,176	31,936
1990	428,608	362,345	66,263
JUMLAH	1,979,855	1,749,244	230,611

NOTA: * Bilangan kes-kes yang didaftarkan dalam tahun semasa dan terdahulu yang diselesaikan.

SEKOLAH LATIHAN JURURAWAT

22. Tuan K. Vijayanathan minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak Sekolah-sekolah Latihan Jururawat untuk mengatasi kekurangan Jururawat.

Menteri Kesihatan Dato' Lee Kim Sai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam tahun 1990, Kementerian Kesihatan mempunyai lapan (8) buah Sekolah Latihan Jururawat. Dengan dua (2) pengambilan setahun, sekolah-sekolah tersebut boleh melatih seramai kira-kira 705 orang pelatih.

Pada tahun 1991, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menambahkan bilangan pengambilan pelatih Jururawat sebanyak 10% di enam (6) buah sekolah tersebut. Dua (2) buah sekolah lagi telah diperbesarkan untuk menambah pengambilan pelatih di antara 40%-50%. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menaikkan taraf dua (2) buah Sekolah Latihan Penolong Jururawat kepada Sekolah Latihan Jururawat. Dengan langkah-langkah tersebut pengambilan pelatih dijangka meningkat kepada 930 orang.

Kementerian ini juga bercadang untuk menaikkan taraf 2 buah Sekolah Latihan Penolong Jururawat dan membuka sebuah lagi Sekolah Latihan

Jururawat dalam tempoh 1992-1995. Selain dari langkah-langkah tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia juga menggalakkan badan-badan berkanun dan swasta membuka sekolah latihan bagi melatih Jururawat untuk keperluan mereka sendiri. Pada masa ini terdapat empat (4) buah hospital swasta yang telah berbuat demikian.

KAPAL SELAM—PEMBELIAN

23. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Pertahanan menyatakan perkembangan terakhir pembelian kapal-kapal selam dan penyediaan infrastruktur.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Setakat ini usaha untuk perolehan kapal selam masih di tahap pengkajian bagi mengenalpasti pembekal yang benar-benar berkeupayaan membekal kapal selam kepada Malaysia. Beberapa aspek penting seperti kos, pemindahan teknologi, alat-ganti, konsep operasi, kemampuan limbungan dan berbagai perkara lagi perlu diambil kira. Proses ini memakan masa dan perlu dilakukan dengan cara terperinci untuk mengelakkan kesilapan. Perkembangan pembangunan infrastruktur sama juga dengan perkembangan perolehan kapal selam, yang mana juga masih di peringkat pengkajian. Walau bagaimanapun, proses perolehan ini tertakluk kepada peruntukan yang perlu disediakan oleh Kerajaan.

AUSTRALIA/MALAYSIA— HUBUNGAN PERSAHABATAN

24. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) setelah mesyuarat Ketua-ketua Negara Komonwel ditangguhkan, adakah usaha-usaha dilakukan di peringkat diplomat supaya Perdana Menteri

Australia bertemu dengan beliau untuk menyelesaikan masalah kekeruhan hubungan di antara dua buah negara tersebut; dan

- (b) adakah Perdana Menteri kita bercadang hendak melawat Australia untuk merapatkan hubungan persahabatan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Dengan izin saya ingin untuk menjawab soalan tersebut, seperti berikut ini.

Pertama, setelah mesyuarat Ketua-ketua Negara Komonwel ditangguhkan, tiada usaha-usaha dilakukan supaya Perdana Menteri Australia bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah hubungan di antara kedua-dua negara.

Kedua, setakat ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih belum lagi mempunyai rancangan untuk membuat lawatannya ke negara Australia.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA DAN TENAGA NASIONAL BERHAD—WANG CAGARAN PENGGUNA

25. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berhubung dengan wang cagaran pengguna-pengguna dalam simpanan Syarikat Telekom (M) Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd.:

- (a) adakah wang cagaran pengguna-pengguna yang ada di dalam simpanan sekarang ini dikelolakan oleh pihak Kerajaan atau terus diserahkan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, selepas kedua-dua syarikat tersebut diswastakan;
- (b) apakah jaminan kepada pihak pengguna-pengguna jika ditakdirkan syarikat-syarikat tersebut mendapat kerugian; dan

- (c) bolehkah pihak Kerajaan membentuk satu akaun pengguna/pelanggan yang dikuasai oleh Kerajaan supaya wang tersebut memberikan faedah kepada rakyat dan selamat.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
(Dato' Seri S. Samy Vellu):**

- (a) Wang cagaran pengguna-pengguna kepada Syarikat Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad adalah di-kendalikan oleh syarikat-syarikat berkenaan setelah kedua-duanya diswastakan.
- (b) Kedua-dua syarikat adalah utiliti yang menyediakan perkhidmatan penting dan berterusan (on-going concern). Oleh itu, Kerajaan akan memastikan perkhidmatan yang diberi adalah berterusan berkualiti dan dengan tarif yang munasabah. Wang cagaran hanya dikembalikan jika pengguna-pengguna tidak lagi memerlukan perkhidmatan dan mengikut rekod kategori ini sangatlah kecil. Walaupun syarikat mendapat kerugian wang cagaran pengguna akan terus dijamin dan dikembalikan jika pengguna tidak lagi memerlukan perkhidmatan.
- (c) Kerajaan tidak bercadang membentuk satu akaun pengguna/pelanggan yang dikuasai oleh Kerajaan sepenuhnya. Justifikasi bayaran wang cagaran ialah untuk menampung bayaran bil elektrik dan telefon yang digunakan. Tambahan pula akaun cagaran adalah akaun yang aktif melibatkan pergerakan-pergerakan berikut—

- (I) Tambahan cagaran akibat dari tambahan perkhidmatan dan kenaikan bil pengguna.

- (II) Tambahan akbiat daripada kajian semula jumlah cagaran.
- (III) Pemulangan cagaran akibat penamatan perkhidmatan atau pertukaran cagaran tunai kepada jaminan bank.
- (IV) Pertukaran hakmilik dan pertukaran perkhidmatan. Oleh yang demikian pengambilalihan fungsi ini oleh Kerajaan bukan sahaja melambatkan perkhidmatan kepada pelanggan tetapi juga meningkatkan kos operasi yang bercanggah dengan konsep penswastaan.

**RANGKA RANCANGAN JANGKA
PANJANG KEDUA—MANFAAT
KEPADA RAKYAT**

26. Tuan Johan Ghani @ Christopher minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang akan dijalankan supaya dasar OPP2 dapat dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia khususnya di Sabah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Dasar Ekonomi Baru telah memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat di negara ini termasuk rakyat Sabah. Dalam dekad 1980an ekonomi Sabah telah berkembang sebanyak 6.6% setahun manakala kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan dengan banyaknya daripada 58.3% dalam tahun 1976 kepada 34.3% dalam tahun 1990. Arah aliran pencapaian tersebut dijangka berterusan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan DPN. Kerajaan, di bawah DPN akan memperbaiki segala kelemahan dan kepincangan yang wujud semasa melaksanakan program dan projek pembangunan di bawah DEB supaya manfaat yang lebih diperolehi oleh rakyat khususnya rakyat di Sabah dan Sarawak.

**PEGUAM TERLIBAT DALAM
KES JENAYAH**

27. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) berapa ramaikah peguam yang terlibat dengan kes jenayah dan dihukum sekitar tahun 1989; 1990 dan 1991;
- (b) apakah jenis kesalahan yang dilakukan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyekat kes ini tidak berlaku lagi.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Kementerian tidak dapat menyatakan berapa ramai peguam yang terlibat dengan kes jenayah dan dihukum sekitar tahun-tahun 1989, 1990 dan 1991 kerana peruntukan undang-undang yang ada sekarang tidak memerlukan mahkamah melaporkan kepada sesiapa atau mana-mana badan mengenai kesalahan jenayah yang dilakukan oleh peguam atau ahli-ahli profesyen yang lain. Oleh hal yang demikian, mahkamah tidak mengumpulkan statistik penjenayah mengikut profesyen masing-masing.
- (b) Tidak berbangkit.
- (c) Menurut Seksyen 93 Akta Profesion Undang-undang 1976, semua Peguambela dan Peguamcara adalah tertakluk kepada kawalan Majlis Peguam dan apabila sebab yang sewajar ditunjukkan mereka boleh dikeluarkan dari Daftarai atau digantung daripada menjalankan amalan atau dicela. Di antara sebab yang dimaksudkan ialah telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang

menjadikan ia tidak layak menjadi seorang anggota profesionnya.

**SKIM CEPAT KAYA—
HUKUMAN TERHADAP
PENGANJUR**

28. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pengusaha skim cepat kaya yang telah ditangkap dan didakwa;
- (b) apakah bentuk hukuman yang dikenakan kepada mereka; dan
- (c) negeri manakah pengusaha tersebut melakukan kegiatan tersebut dan jumlah pelaburan mengikut negeri.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

- (a) Setakat ini dua penganjur skim cepat kaya yang menjalankan operasi melalui tiga buah syarikat telah didakwa di mahkamah di atas kesalahan menerima deposit tanpa lesen yang sah di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Mereka ialah Osman bin Hamzah pemilik Syarikat Pestama Enterprise dan juga Pengarah Pestama Berhad, dan Noorokiah bte Ishak pemilik Syarikat Sri Emas Enterprise.
- (b) Pemilik Pestama Enterprise ialah (Osman bin Hamzah) telah dihukum denda \$250,000, atau satu tahun penjara, sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Sesyen, Taiping pada 14 Mac 1990.

Kes kedua terhadap Osman bin Hamzah sebagai Pengarah Pestama Berhad pula telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Sesyen, Taiping pada 2 hingga 6 Mac 1992.

Pemilik Sri Emas Enterprise iaitu (Noorokiah bte Ishak) telah dijatuhkan hukuman 3 1/2 tahun penjara serta denda \$500,000 atau 10 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Sesyen, Ipoh pada 30 Mei 1991.

- (c) Kegiatan syarikat-syarikat tersebut didapati berpusat di Negeri Perak dan menjalankan operasinya hampir keseluruhan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia melalui agen-agen yang dilantik oleh mereka. Bagaimanapun, bilangan pen-deposit dan jumlah pelaburan yang terlibat bagi setiap negeri tidak dapat ditentukan kerana syarikat-syarikat itu serta agennya tidak menyimpan rekod yang lengkap dan sempurna.

MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN—LAPORAN

29. Tuan K. Munisamy minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan Majlis Perundingan Akta Pendidikan sekarang. Nyatakan juga bilakah laporan itu siap dan kenapakah kelewatan itu berlaku.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perundingan Akta Pendidikan telah mengadakan 7 sidang dan telah selesai mengemukakan pandangan dan cadangannya kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan.

Sebenarnya tidak timbul soal kelewatan menerbitkan laporan sidang Majlis itu. Ahli-ahli Majlis telah diminta memberi pandangan dan cadangan mereka terhadap peruntukan-peruntukan dalam Draf Rang Undang-undang Pendidikan 1990. Pada awal sidangnya dahulu, ahli-ahli telah

mencapai persetujuan supaya cadangan dan pandangan mereka itu dilaporkan secara 'verbatim'. Laporan 'verbatim' tiap-tiap sidang itu pula, telah disiapkan dan kesemuanya telah disampaikan kepada tiap-tiap ahli, kecuali laporan sidang terakhir. Walau bagaimanapun, laporan ini adalah untuk penelitian oleh pihak Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan sahaja.

Kini Kementerian Pendidikan sedang mengkaji pandangan dan cadangan ahli-ahli Majlis itu.

KEKURANGAN DOKTOR— KAJIAN

30. Tuan K. Vijayanathan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian telah membuat kajian yang meluas mengenai kekurangan doktor-doktor dalam negara kita dan sama ada boleh atau tidak masalah ini diselesaikan dengan mewujudkan lebih banyak maktab-maktab/sekolah-sekolah perubatan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan telah membuat kajian yang mendalam mengenai keperluan doktor-doktor masa kini dan juga keperluan dalam tempoh 10 tahun akan datang dan kajian menunjukkan negara masih kekurangan seramai 1,140 orang doktor menjelang tahun 2000 sekiranya pengeluaran doktor-doktor adalah pada kapasiti tempat latihan yang sedia ada.

Untuk tujuan menampung keperluan doktor-doktor, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan seperti menambahkan pengambilan pelajar jurusan perubatan di universiti-universiti tempatan serta meningkatkan peluang latihan perubatan di universiti-universiti di negara-negara asing. Keperluan sebuah Kolej Perubatan tambahan sedang dalam kajian.

PENCEMARAN KIMIA TERHADAP HASIL PERTANIAN

31. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Apakah usaha Kementerian untuk mewujudkan sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih selamat dari segi pencemaran kimia.
- (b) Sekadar manakah usaha penggunaan baja organik dilaksanakan.

Dato' S. Subramaniam:

Bagi menjawab soalan (a):

Usaha-usaha Kementerian Pertanian untuk mewujudkan sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih selamat dari segi pencemaran kimia adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan petani-petani untuk mengawal perosak dengan cara seperti disyorkan oleh Jabatan Pertanian iaitu pengurusan perosak secara bersepadu (integrated pest management) yang memerlukan petani-petani menggunakan racun perosak dengan bijaksana iaitu apabila perlu sahaja. Pengurusan perosak bersepadu telah diamalkan oleh penanam-penanam padi dan sayur-sayuran dan cara ini akan diperluaskan kepada petani-petani tanaman lain.
- (ii) Pegawai pengembangan dari Jabatan Pertanian sentiasa melawat petani-petani untuk menasihatkan mereka untuk mengguna racun perosak apabila perlu sahaja, mengikut cara-cara yang betul dan selamat semasa menggunakan racun perosak, serta mengikut tempoh menunggu selepas semburan

terakhir sebelum mengutip hasil, supaya sisabaki racun perosak tidak ditinggalkan dalam hasil tanaman.

- (iii) Petani-petani juga diberikan latihan oleh Juruteknik-juruteknik Pertanian tentang penggunaan alat penyembur dan pilihan racun perosak yang sesuai dalam kawalan perosak di tanaman mereka. Mereka adalah digalakkan menggunakan racun perosak yang cepat mengurai.
- (iv) Bahan-bahan seperti bingkisan-bingkisan, risalah-risalah dan poster-poster juga telah diedarkan oleh Jabatan Pertanian untuk memaklumkan petani-petani mengenai cara-cara betul dalam kawalan perosak tanaman. Satu filmlet mengenai kepentingan membaca label juga telah disediakan untuk siaran televisyen.
- (v) Analisis sisabaki racun perosak di dalam hasil-hasil pertanian dijalankan secara berterusan oleh Jabatan Pertanian supaya petani-petani yang salah menggunakan racun perosak dapat dikenalpasti dan dinasihati secara langsung.

Bagi menjawab soalan (b):

Penggunaan baja organik telah lama dan meluas digunakan oleh petani dan peladang dalam negara ini. Secara intensif, penggunaannya tertumpu di kawasan-kawasan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan komersial. Di kawasan tanah yang tandus seperti tanah bekas lombong dan tanah yang sangat berpasir, penggunaan baja organik adalah dimestikan untuk semua tanaman.

Jenis baja organik yang digunakan untuk tanaman di atas terdiri daripada najis

ternakan dan sisa binatang seperti tahi ayam, tahi kambing, tahi kelawar, tahi arnab, baja ikan, baja serbuk udang, abu tulang, kompos dan buangan kilang kelapa sawit (POME). Bagi sektor perladangan, sisa dan bahan buangan daripada tanaman kelapa sawit, buah koko, kelapa, nenas telah digunakan semula secara meluas untuk menokok bekalan baja galian di ladang-ladang.

Selain daripada pengeluaran tempatan, baja organik telah diimport sebanyak purata 35,260,000 tan bernilai \$2.7 juta setahun dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pengimportan baja organik telah mulai berkurangan kerana adanya sumber gantian tempatan seperti sisa kilang kelapa sawit.

PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI JASIN, MELAKA

32. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Interchange Lebuhraya di persimpangan Jasin akan dibina untuk membawakan kemajuan bagi Daerah Jasin, Melaka, jika ya, bilakah projek tersebut akan dilaksanakan, jika tidak, apakah sebab-sebab yang menghalang cadangan projek interchange tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa cadangan mengadakan persimpangan bertingkat di Jasin adalah tidak sesuai jika dibandingkan 'traffic volume' oleh kerana kos operasi dan dengan kos membina, operasi serta penyelenggaraan. Oleh itu cadangan ini tidak dapat dilaksanakan sekarang.

TABUNG KUMPULANWANG AMANAH PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA— KEMUDAHAN PINJAMAN

33. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Sehingga hari ini bilangan belia Malaysia yang telah beruntung dari Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sejak pelaksanaannya mengikut kaum masing-masing; dan
- (b) Bilakah skim pinjaman baru untuk program Belia Berniaga dan Belia Peladang akan dilaksanakan.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat sejak tahun 1988 dan sehingga Jun 1990, terdapat seramai 544 orang belia telah mendapat kemudahan pinjaman di bawah Rancangan Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, Kementerian Belia dan Sukan. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	:	531 orang
Cina	:	3 orang
India	:	10 orang

- (b) Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk mewujudkan Program Belia Berniaga dan Belia Peladang yang baru kerana Program Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang sedang dilaksanakan sekarang ini baru saja dimulakan pada bulan Mei tahun 1988.

**DOKTOR/JURURAWAT—
PENGISIAN JAWATAN**

34. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kenapakah pihak Kementerian tidak membuat sebarang pengisian jawatan Jururawat yang kosong sedangkan sebanyak 1,400 jawatan Jururawat, Penolong Jururawat dan Jururawat Desa masih kosong; dan
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa pada tahun 2020 nanti negara mengalami kekurangan doktor.

Dato' K. Kumaran:

- (a) Bilangan jawatan kosong sebenar bagi perkhidmatan Jururawat, Jururawat Desa dan Penolong Jururawat pada 1 Julai 1991 ialah sebanyak 1,143 dan bukannya 1,400 sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Adalah tidak benar yang Kementerian Kesihatan tidak membuat sebarang usaha bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut. Sebaliknya langkah-langkah telah dan sedang diambil dari semasa ke semasa bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut iaitu melalui urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan kenaikan pangkat atau melalui urusan pengambilan/perlantikan bagi jawatan-jawatan di peringkat Tingkatan Biasa.

- (b) Kementerian Kesihatan sedar permintaan terhadap perkhidmatan doktor akan meningkat dalam tahun-tahun 2000 hingga ke tahun 2020. Hasil daripada perkembangan yang dijangka, Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengambil beberapa langkah menambahkan bilangan doktor di negara ini seperti

menambahkan pengambilan pelajar-pelajar jurusan perubatan di universiti-universiti tempatan, menambahkan peluang latihan di universiti-universiti negara asing dan juga meneruskan pembiayaan pelajar-pelajar jurusan perubatan di dalam dan luar negeri.

Langkah-langkah sedemikian dijangka akan dapat memastikan bilangan doktor-doktor pada tahun 2020 adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat pada masa itu.

**PERDAGANGAN DUAHALA
MALAYSIA—VIETNAM**

35. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana kedudukan diplomat dan perdagangan duahala antara Malaysia dengan Vietnam; dan
- (b) sejauh mana perkembangan dengan bantuan dari segi teknologi terutamanya sektor pertanian kepada Vietnam yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Vietnam adalah baik dan semakin rapat akhir-akhir ini hasil dari beberapa lawatan di peringkat tertinggi di antara kedua-dua negara terutamanya lawatan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam pada tahun 1988, lawatan ke Malaysia oleh Encik Vo Nguyen Giap, Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1990 dan oleh TYT Encik Vo Van Kiet, Timbalan Perdana Menteri Pertama Vietnam ke Malaysia pada bulan Februari yang lalu.

Hubungan perdagangan juga semakin meningkat berikutan sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli perniagaan dan pelabur-pelabur Malaysia untuk mencari peluang perniagaan dan pelabuan di Vietnam hasil dari galakan Kerajaan dan juga dasar Vietnam yang telah mula melaksanakan sistem ekonomi bebas.

- (b) Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk memulihkan semula industri getah Vietnam. Walau bagaimanapun, program ini sedang dikaji semula oleh pihak-pihak yang berkenaan sebelum ia dapat dimulakan.

AKTIVITI GUNASEMULA BAHAN BUANGAN

36. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang Kempen Penggunaan Semula Barang-barang terbuang di seluruh negara oleh Kementerian.

- (a) adakah "database" untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penggunaan semula barang-barang terbuang ditubuhkan;
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan penggunaan semula barang-barang terbuang; dan
- (c) setakat mana barang-barang terbuang seperti plastik, kertas, botol dan besi di tempat buangnya dapat diasingkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):

- (a) Setakat ini Kementerian ini tidak mempunyai 'database' yang lengkap tentang kegiatan

gunasemula di negara ini. Maklumat-maklumat yang diterima adalah agak terhad dan diketahui dari beberapa syarikat tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, satu Jawatankuasa baru sahaja ditubuhkan di Kementerian ini yang dipanggil Jawatankuasa Pemandu Bagi Aktiviti Gunasemula Bahan Buangan. Ia dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan dan ahlinya adalah terdiri dari beberapa Jabatan Kerajaan dan Majlis Perbandaran, Persatuan-persatuan, Pengilang, Media Massa dan juga Pertubuhan-pertubuhan Sukarela. Salah satu tugas yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa berkenaan adalah mengumpul maklumat-maklumat tentang aktiviti gunasemula bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti tersebut dibuat dengan teratur dan berkesan.

- (b) (i) Kementerian ini juga sedang mengatur beberapa aktiviti bagi meningkatkan kesedaran orang ramai. Salah satunya ialah pelancaran kempen gunasemula bahan buangan peringkat kebangsaan yang akan diadakan tidak lama lagi. Pihak-pihak media massa telah dihubungi dan dijangka dapat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran. Kementerian ini juga telah bersetuju untuk melantik sebuah Pertubuhan Sukarela bagi melaksanakan program tersebut. Ahli-ahli Pertubuhan tersebut akan mengadakan kempen kesedaran dan ceramah-ceramah melalui pertubuhan dan persatuan tempatan yang sedia ada.

- (ii) Beberapa Pihakberkuasa Tempatan telah juga menyebarkan maklumat kepada penduduk-penduduk tempatan dalam mendapatkan kerjasama bagi pengasingan bahan-bahan yang boleh digunasemula.
 - (iii) Di samping itu, Kementerian ini telah berjaya mendapatkan seorang pakar pendidikan kesihatan dari luar negeri yang akan membantu menyediakan program-program kesedaran orang ramai terhadap kepentingan aktiviti gunasemula.
- (c) Mengenai aktiviti pengambilan semula bahan buangan di tempat pelupusan oleh 'scavengers', Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang tepat setiap bahan yang dipungut. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada purata pendapatan harian dan juga pasaran bahan-bahan berkenaan, jumlah barang-barang yang dipungut adalah amat sedikit sekali iaitu 1 hingga 2 peratus dari jumlah sampah yang dipungut.

JUALAN LELONG— PEMERIKSAAN MENGEJUT

37. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sama ada jualan lelong di pasaraya mendapat kebenaran dari Kementerian atau tidak; dan
- (b) adakah pegawai-pegawai Kementerian membuat lawatan mengejut ketika jualan lelong itu diadakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, "jualan lelong", "jualan murah" atau apa-apa perbincangan lain yang seumpamanya yang boleh membawa maksud bahawa harga yang ditawarkan itu adalah lebih murah daripada harga yang ditawarkan sebelumnya, adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1967. Para peniaga yang mengadakan "jualan lelong" atau "jualan murah" adalah dikehendaki mematuhi prosedur di bawah Peraturan-peraturan ini. Prosedur tersebut termasuklah mengemukakan notis kepada Kementerian dengan menyatakan tempoh masa "jualan murah" tersebut serta butir-butir dan harga barang-barang yang akan ditawarkan. Dengan mengemukakan notis ini, Kementerian dapat menjalankan pemeriksaan bagi menentukan tidak ada penyelewengan berlaku, khususnya dari segi harga lama dan harga yang ditawarkan semasa "jualan murah" berlangsung.

Sejak undang-undang ini dikuatkuasakan, iaitu mulai tahun 1987 sehingga 15.7.1991, sebanyak 33,052 notis telah diterima dari para peniaga untuk mengadakan "jualan murah" atau "jualan lelong".

Bagi menjawab soalan (b), objektif Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987, adalah untuk mengawal selia penggunaan perbincangan yang membawa maksud "jualan murah". Dalam usaha untuk menentukan supaya proses "jualan murah" ini berjalan mengikut lunas-lunas undang-undang yang diwujudkan, Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan biasa dan pemeriksaan mengejut ke atas gedung-gedung perniagaan yang menawarkan "jualan murah" kepada orang awam. Di sepanjang tempoh penguatkuasaan

undang-undang ini sehingga 15.7.1991, sebanyak 16,149 pemeriksaan telah dibuat ke atas permis yang mengadakan "jualan murah".

Kementerian sentiasa peka terhadap sebarang penyelewengan, khususnya yang melibatkan para pengguna. Adalah menjadi hasrat Kementerian menentukan bahawa amalan perdagangan yang sihat sentiasa diamalkan oleh semua pihak. Dalam hubungan ini, Kementerian akan sentiasa menguatkuasakan semua undang-undang dengan adil dan saksama supaya matlamat dan cita-cita Kerajaan dalam usaha mewujudkan suasana perdagangan yang adil akan tercapai.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN—PEMINDAHAN

38. Tuan Isli bin Haji Siput minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perancangan yang dibuat ke atas pemindahan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan Labuan mengambilkira kesan-kesan ekonomi dan Sosio-Politik tempatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed): Penduduk setinggan di sekitar Bandar Labuan merupakan masalah yang perlu diatasi dengan segera dan berkesan. Kawasan-kawasan setinggan menimbulkan kesan buruk kepada aspek sosio-ekonomi, keselamatan dan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan. Keadaan ini tentu sekali akan menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang berjaya.

Berikutan dengan pengisytiharan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, langkah akan diambil untuk menempatkan semula setinggan-setinggan ini dalam satu

kawasan yang terancang dan terkawal iaitu di kawasan seluas 40 ekar yang terletak di Barat Sungai Kina Benuwa. Dengan langkah ini, pemindahan setinggan di Wilayah Persekutuan Labuan tidak akan menjejaskan keadaan ekonomi dan sosio-ekonomi dan sosio-politik tempatan.

COOPERATIVE CENTRAL BANK—MASALAH

39. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada Kerajaan akan menolong untuk menyelesaikan masalah CCB—Co-operative Central Bank dan apakah rancangan Kerajaan terhadap Koperasi tersebut.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai): Pada masa ini, CCB adalah di bawah Urusan Penanggung yang dilantik oleh Bank Negara. Kerajaan akan membuat satu keputusan mengenai koperasi ini apabila kerja-kerja Penanggung itu ditamatkan dan setelah menerima laporan terakhir daripada Bank.

KESEDARAN SIVIK—PERANAN RTM

40. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Penerangan menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan supaya tiap-tiap seorang rakyat Malaysia mempunyai kesedaran sivik supaya menjadi warganegara bersopan dan bertatasusila.

Menteri Penerangan Dato' Mohamed bin Rahmat: Kementerian ini mengadakan berbagai-bagi rancangan ke arah kesedaran sivik di kalangan masyarakat di negara ini agar mereka dapat membezakan serta

menyedari kebaikan mempunyai hemah tinggi, bersopan santun, bertatasusila. Ini adalah sejajar dengan matlamat RTM menyediakan penonton-penonton yang peka dan mempunyai perangai yang baik. Rancangan-rancangan yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia sentiasa menyelitkan mesej-mesej pengajaran dan pendidikan yang secara langsung atau tidak secara langsung dapat menyedarkan masyarakat terutama sekali kanak-kanak dan generasi muda. Mesej-mesej positif seperti tabiat, bersopan santun dimuatkan di dalam rancangan-rancangan seperti rancangan-rancangan WANITA, Majalah Keluarga, Drama-drama bersiri, rancangan kanak-kanak dan Remaja, dan dokumentari-dokumentari khas.

Mengikut landasan ini, RTM bermatlamat menambahkan jumlah siaran rancangan-rancangan tempatan sebanyak 80% dan yang diimport sebanyak 20% dalam tahun 2000.

Jabatan Penerangan juga melalui berbagai-bagai aktiviti menjalankan peranan yang sama. Ini dilaksanakan melalui ceramah-ceramah khas, kursus-kursus sivik, perjumpaan bersemuka dan pengedaran bahan-bahan percetakan.

MALARIA—LANGKAH MENGAWAL DAN MEMBASMI

41. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah positif bagi mengawal dan membasmi penyakit Malaria yang banyak membawa maut di kawasan pendalaman. Kes-kes kematian kerana penyakit itu masih di paras tinggi terutama di kawasan Orang Asli di pendalaman.

Dato' K. Kumaran:

(a) Langkah-langkah positif yang diambil bagi mengawal dan

membasmi malaria di kawasan pendalaman adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan semburan DDT tiap-tiap 3 bulan di rumah-rumah Orang Asli di pendalaman.
 - (ii) Menjalankan pengambilan darah beramai-ramai (mass blood survey) untuk mengesan malaria.
 - (iii) Memberi rawatan ubat anti malaria secara beramai-ramai (mass drug administration).
 - (iv) Menjalankan pengambilan darah secara aktif dari orang-orang yang disyaki mengalami malaria (active case detection).
 - (v) Menjalankan pengambilan darah oleh kakitangan perubatan dari Hospital Gombak semasa mereka memberi perkhidmatan rawatan di kampung-kampung pendalaman (passive case detection).
 - (vi) Memberi rawatan presumtif kepada kumpulan Orang Asli yang disyaki mengalami malaria.
 - (vii) Menjalankan aktiviti pelajaran kesihatan dengan mengedarkan risalah-risalah, memberi ceramah, menayang video dan wayang gambar serta menyebarkan maklumat melalui radio.
- (b) Jumlah kematian di kalangan Orang Asli pendalaman disebabkan malaria adalah rendah. Pada tahun 1986, terdapat satu kematian dan 1987 dua kematian. Pada tahun-tahun berikutnya sehingga bulan Jun 1991, tidak ada kematian yang dilaporkan.

HAKISAN PANTAI—KAJIAN

42. Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) negeri manakah yang banyak tanahnya dilanda hakisan laut; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Malaysia mempunyai kawasan persisiran pantai sepanjang 4,809 km. Dari jumlah ini kira-kira 1,389 km atau 29% menghadapi masalah hakisan pantai. Semua negeri di Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengalami hakisan di kawasan pantai. Di antara negeri-negeri yang banyak dilanda hakisan pantai ialah Selangor, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Di negeri-negeri ini lebih dari 60% dari persisiran pantai diancam oleh hakisan.
- (b) Kerajaan sejak tahun 1984 lagi telah mengambil langkah yang serius untuk mengatasi masalah hakisan pantai dengan melantik juruperundig bagi mengkaji secara komprehensif masalah hakisan pantai di seluruh negara. Satu kajian yang dinamakan "Kajian Hakisan Pantai Negara" (National Coastal Erosion Study) telah disiapkan pada awal tahun 1986. Hasil dari kajian ini suatu majlis yang digelar Majlis Kawalan Hakisan Pantai Negara telah ditubuhkan dengan tujuan mengawal hakisan pantai di seluruh negara secara teratur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$20 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina pelbagai jenis benteng bagi

kawalan hakisan pantai seperti groin, revetment, tembok laut dan lain-lain. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$100 juta lagi telah diperakukan untuk kelulusan Dewan ini dan sebanyak \$27 juta daripadanya telah diluluskan bagi tahun ini.

Di samping kerja-kerja pembinaan untuk mengawal hakisan pantai, Kerajaan juga telah mengambil tindakan supaya kawasan-kawasan persisiran pantai ditanam dengan pokok-pokok yang sesuai bagi mengawal hakisan di samping mengindahkan kawasan-kawasan pantai bagi tarikan pelancongan.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri berusaha mengekalkan hutan paya laut di negeri masing-masing oleh sebab tumbuhan tersebut adalah satu-satunya tumbuhan semula jadi yang dapat mencegah hakisan pantai.

PEMBALAKAN HARAM— LANGKAH MENGATASI

43. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah pembalakan haram seperti yang dilaporkan berlaku di hutan simpan Ampang dan Gombak; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan yang terlibat dalam kes pembalakan haram tersebut.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:

(a) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama bagi mengatasi masalah pembalakan haram adalah seperti berikut:

(i) menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas pembalakan supaya memperketatkan lagi pengurusan dan pengawalan sumber perhutanan masing-masing secara berkekalan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan-kerajaan Negeri secara khususnya telah digesa:

- mematuhi catuan tebaran tahunan masing-masing yang telah ditetapkan dan dipersetujui bagi negeri masing-masing;
- seberapa boleh tidak mengeluarkan lesen memalak di Hutan Tanah Kerajaan yang tidak lagi mengandungi sumber balak yang banyak.
- meningkatkan perancangan supaya pemberian kawasan pembalakan yang bertaburan dapat diminimalkan.

Di dalam hubungan ini, Kementerian telah membentangkan kertaskerja yang antara lainnya meliputi perkara pembalakan haram di Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada 30 Mac 1991 dan juga di Persidangan Majlis Perhutanan Negara ke Sepuluh pada 4 April 1991, iaitu sebelum pendedahan ke atas kejadian pembalakan haram mula disebarikan secara meluas

menerusi media massa sejak kebelakangan ini.

(ii) mencadangkan supaya keupayaan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri bagi mengawal sumber hutan dan mengesan serta membanteras kegiatan pembalakan haram diperkukuhkan lagi menerusi:

- penambahan perjawatan dan pengisian jawatan kosong yang sedia ada.
- latihan meningkatkan kecekapan, kecergasan dan semangat pegawai serta kakitangannya.
- pengwujudan unit-unit khas penguatkuasa dengan dibantu oleh pihak tentera dan polis hutan, jika perlu.
- penggunaan teknik dan peralatan yang sesuai, kemaskini dan berkesan seperti telefon, telefon portable, kenderaan lasak, helikopter dan penderiaan jauh melalui stalit (satellite remote sensing).

(iii) mengkaji kemungkinan pengawalan dan penjagaan hutan diswastakan. Sehubungan dengan ini, Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia sedang melaksanakan tiga projek perintis untuk mengesahkan kemungkinan ini.

(iv) mengkaji sistem anugerah imbuhan kepada pemberi maklumat untuk menggalakkan lagi orang ramai memberi kerjasama dengan menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam mengawasi, mengesan dan melaporkan kejadian

pembalakan haram serta tampil ke hadapan memberi maklumat yang diperlukan.

- (v) mengkaji semula sistem penalti bagi kesalahan pembalakan haram yang ada sekarang untuk diperketatkan lagi dengan hukuman-hukuman yang lebih berat termasuk penjara dan sebatan mandatori, denda, bayaran gantirugi dan kompaun yang lebih tinggi, rampasan dan pemusnahan jentera dan peralatan yang digunakan oleh pembalak haram, dan menyenarai-hitamkan pelesen, kontraktor, pembalak dan pekerja yang didapati bersalah untuk menghalangi mereka beroperasi di mana-mana negeri.

- (b) Setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan yang didapati bersalah kerana terlibat atau bersubahat dalam kegiatan pembalakan haram akan dikenakan tindakan tata tertib dan mahkamah yang sewajarnya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang membolehkan Bank Negara Malaysia mewujudkan lebih daripada satu jawatan Timbalan Gabenor.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab Bank Negara telah bertambah dalam tahun-tahun 1980an. Pergolakan dalam institusi-institusi kewangan dan koperasi-koperasi dalam tahun-tahun 1980an telah mendorong Kerajaan memperkenalkan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 di mana Akta itu memberi kuasa yang lebih luas kepada Bank Negara untuk mengawal dan mengawas institusi-institusi kewangan di negara ini. Bank Negara juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawas industri insurans mulai tahun 1988.

Perkembangan dan pemodenan yang berlaku dalam sistem ekonomi dan kewangan negara juga menjadikan peranan dan tanggungjawab Bank Negara lebih mencabar lagi. Pertambahan tugas dan tanggungjawab itu memerlukan perubahan yang sewajarnya ke atas struktur pentadbiran Bank Negara Malaysia bagi memastikan urusan pentadbirannya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Dalam hubungan ini, perubahan-perubahan sewajarnya dilakukan dari semasa ke semasa ke atas struktur pentadbiran Bank Negara Malaysia bagi menyesuaikan dengan kehendak semasa. Bagaimanapun, struktur pentadbiran di peringkat atasan, khususnya di peringkat Timbalan Gabenor masih belum diselaraskan kerana Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 hanya memperuntukkan satu jawatan Timbalan Gabenor sahaja. Dengan bertambahnya tugas dan tanggungjawab Bank Negara, Kerajaan berpendapat adalah perlu diwujudkan lebih daripada satu jawatan Timbalan

Gabenor bagi meringankan beban pengurusan di peringkat atasan Bank tersebut. Ia juga akan meningkatkan kekesanan Timbalan Gabenor dalam membantu dan menyokong tugas-tugas Gabenor selaku Ketua Eksekutif Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas seksyen-seksyen 8, 9, 11, 12 dan 13 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Pindaan-pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini secara ringkasnya adalah seperti berikut—

Fasal 1 memperuntukkan Tajuk Ringkas untuk Akta yang dicadangkan itu.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 8 Ordinan itu untuk mengadakan tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Gabenor dalam Lembaga Pengarah Bank Negara.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 9 Ordinan itu untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik Timbalan-timbalan Gabenor.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 11 Ordinan itu untuk memberi kuasa kepada Menteri menamatkan perantukan Timbalan-timbalan Gabenor.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 12 Ordinan itu untuk membolehkan Menteri mengisi mana-mana kekosongan sementara, atau dengan izin, casual vacancy, dalam jawatan Timbalan Gabenor, dan

Fasal 6 bertujuan membuat pindaan berbangkit, dengan izin, consequential amendments ke atas seksyen 13 (1) iaitu untuk meminda perkataan-perkataan "Timbalan Gabenor" dengan perkataan-perkataan mana-mana Timbalan Gabenor yang ditugaskan oleh Gabenor".

Secara amnya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu hanyalah merupakan pindaan kecil sahaja, termasuk pindaan-pindaan berbangkit yang bertujuan untuk memperkemas lagi struktur pengurusan atasan Bank Negara Malaysia supaya selaras dengan beban pengurusan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KELAB LUMBA KUDA
(AMBILTAGAN AWAM)
(PINDAAN DAN PERLUASAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan pembentangan Rang Undang-undang ini ialah untuk memperluaskan pemakaian Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 ke seluruh negara khususnya meliputi negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini pemakaian Akta ini adalah terhad kepada Semenanjung Malaysia sahaja dan perluasan Akta ini keseluruhan negara wajar dilakukan sekarang supaya aktiviti perjudian yang dikawal oleh Akta ini iaitu penjualan loteri Sweep-stakes kepada orang ramai dapat dikawal dengan lebih berkesan melalui undang-undang dan peraturan yang seragam bagi seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Rang Undang-undang ini dibahaskan di Dewan Rakyat, sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan kebimbangan bahawa akibat perluasan undang-undang ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, akan menyebabkan lebih banyak lagi aktiviti perjudian di negeri-negeri yang berkenaan, terutamanya di Sarawak, memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberhentikan aktiviti perjudian. Saya ingin

menegaskan di sini bahawa perluasan Akta Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 ke negeri-negeri tersebut tidak akan menambah aktiviti perjudian di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang di negeri Sabah aktiviti perjudian dijalankan pada tiap-tiap hari. Ini disebabkan Kerajaan Negeri Sabah, di bawah kuasa yang diberikan di dalam Undang-undang Perjudian yang berkuatkuasa di Sabah sekarang, iaitu Gaming Ordinance 1930, telah mengeluarkan lesen-lesen untuk menganjurkan pertaruhan Empat Nombor Ekor, pertaruhan Lotto dan pertaruhan Lumba Kuda. Adalah diperhatikan di negeri Sabah, cabutan-cabutan pertaruhan diadakan pada tiap-tiap hari. Pada hari Selasa dan Jumaat, terdapat dua cabutan diadakan. Pada hari-hari lain pula satu cabutan diadakan tiap-tiap hari. Di samping itu pula, pada hari Rabu, Sabtu dan juga Ahad, Sabah juga menganjurkan pertaruhan Lumba Kuda.

Cabutan pertaruhan ini adalah tambahan kepada cabutan pertaruhan Toto dan Empat Nombor Ekor yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan. Tindakan Kerajaan memperluaskan Akta Lumba Kuda ini akan dilakukan serentak dengan perluasan 5 Akta-akta Perjudian lain yang masih juga terhad pemakaiannya pada masa ini di Semenanjung sahaja, iaitu:

- (i) Common Gaming Houses Act, 1953;
- (ii) Betting Ordinance 1953;
- (iii) Betting and Sweepstakes Duties Act, 1948;
- (iv) Lotteries Act, 1952;
- (v) Racing Totalisator Board Act, 1961.

Serentak dengan perluasan Akta-akta tersebut, undang-undang perjudian yang sekarang berkuatkuasa di Sabah,

Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan dimansuhkan. Dengan pemansuhan undang-undang tersebut, maka undang-undang Persekutuan boleh dikuatkuasakan dan kawalan ke atas aktiviti perjudian di seluruh negara dapat diperkemas dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan sedar bahawa Kerajaan Negeri telah membuat dan melaksanakan dasar bagi menamatkan semua aktiviti perjudian yang dilesenkan oleh Kerajaan Negeri. Di sini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil tindakan yang tegas dan berani dan Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan keputusan tersebut. Dalam hal ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Persekutuan menghormati keputusan Kerajaan Negeri untuk memberhentikan semua aktiviti perjudian di Sarawak dan telahpun membuat keputusan bahawa di atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan tidak akan membaharui lesen-lesen agensi Sports Toto dan lesen agensi Magnum bagi pertaruhan 4D di negeri Sarawak apabila lesen-lesen berkenaan tamat tempohnya pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun mengikut Perlembagaan pembentangan-pembentangan Rang Undang-undang Perjudian tidak perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri memandangkan ianya adalah bidang perundangan Kerajaan Persekutuan, namun untuk menjaga kepentingan negeri-negeri, cadangan ini telahpun dirujuk kepada Kerajaan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak melalui Peguam Besar Negeri, Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak telahpun menyatakan pihaknya tiada halangan tetapi Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi jaminan tidak akan mengeluarkan lesen-lesen baru bagi apa-apa jenis perjudian.

Bagi negeri Sabah, Kerajaan Negeri mahukan supaya perluasan undang-undang berkenaan tidak akan menjejaskan kepentingan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan pembinaan padang lumba kuda di Sandakan dan di Tambalang, Teruat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa dengan perluasan Akta Lumba Kuda ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, loteri Sweepstakes atau apa-apa jua bentuk perjudian lain tidak boleh dianjurkan di mana-mana negeri tanpa persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan terlebih dahulu. Ini disebabkan setiap perniagaan termasuk aktiviti perjudian mestilah mendapat lesen perniagaan atau lesen premis yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Jika Kerajaan Negeri tidak meluluskan lesen itu, maka tiada apa-apa perniagaan pun termasuk perjudian boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini hanya mencadangkan pindaan kepada Seksyen 1(2) dan Seksyen 2 (1) Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965. Pindaan kepada Seksyen 1(2) adalah untuk membolehkan Akta ini diperluaskan pemakaiannya ke seluruh negara iaitu dengan menukar perkataan yang hanya merujuk kepada negeri-negeri di Semenanjung kepada perkataan yang merujuk kepada seluruh negara iaitu perkataan "only to the States of West" ditukar kepada "throughout Malaysia".

Pindaan kepada Seksyen 2 (1) adalah bertujuan untuk memberi tafsiran kepada ungkapan "racing club". Tafsiran ini diperlukan untuk memastikan supaya semua kelab lumba kuda yang hendak menganjurkan loteri Sweepstakes hendaklah diiktiraf oleh Malayan Racing Association. Ini bertujuan untuk memastikan perlumbaan kuda yang dijalankan oleh mana-mana kelab yang hendak menganjurkan loteri Sweepstakes

adalah mematuhi peraturan-peraturan perlumbaan antarabangsa. Dengan demikian, orang ramai akan mendapat jaminan bahawa loteri yang dianjurkan oleh kelab itu adalah dibuat mengikut peraturan dan tidak berlaku sebarang penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya perluasan Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 adalah bertujuan untuk meningkatkan kawalan ke atas aktiviti perjudian. Ianya sekali-kali tidak bertujuan untuk menambah lagi kegiatan judi ataupun menambah pengeluaran lesen perjudian di Sabah, Sarawak ataupun Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 dan bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Aion Ariffin.

3.54 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 dan bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar penjelasan yang begitu panjang lebar daripada Timbalan

Menteri Kewangan yang handsome, yang dedikasi, yang telah menjelaskan satu persatu mengapa dan kenapa pindaan ini diperlukan dan bagaimana sewajarnya ianya mesti disokong. Dalam penjelasan yang beliau telah katakan tadi, beliau menyentuh banyak perkara mengenai perkembangan perjudian yang berbentuk pertaruhan dan yang berbentuk cabutan di Sabah dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan.

Terdapat beberapa sentuhan-sentuhan kecurigaan bahawa di dalam pengembangan atau di dalam pertambahan perjudian-perjudian berbentuk pertaruhan-pertaruhan ini dikhuatiri ianya nanti berkembang tanpa kawalan. Makanya Akta ini perlu diperluaskan supaya ianya dapat diselaraskan dan supaya ianya dapat dikawal rapi kerana memanglah kita faham ramai rakyat warganegara kita ini yang ingin kaya dalam sekelip mata dan banyak di antara mereka yang suka berangan-angan seperti cerita dongeng rakyat Mat Jenin. Di zaman sains teknologi ini didapati angan-angan ini kadang-kadang menjadi kenyataan. Dengan berangan-angan membeli tiket-tiket nombor-nombor extra, empat nombor, lima nombor daripada perlumbaan kuda atau lain-lain pertaruhan yang mendapat permit atau lesen, ada juga yang menjadi kaya, setengah kaya dan ramai pula yang kayap.

Apa yang kita ingin sebutkan di sini sebenarnya kita tidak pula bercadang hendak mengharamkan semua jenis-jenis perjudian yang tidak membawa kemudaran. Tetapi di samping menyokong kepada Akta ini saya ingin juga membuat beberapa teguran dan sentuhan mengenai perjalanan beberapa perkembangan perjudian dalam negara kita ini terutamanya yang mengenai lumba kuda.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham lumba kuda ini walaupun ianya di Sabah hendak diperluaskan, di Malaysia sudah berjalan dengan begitu

lama dan terancang dan terkawal walaupun kadangkala tidak disedari ada perkara-perkara yang tidak terkawal, namun begitu pada keseluruhannya kita ucapkan syabas kepada Kerajaan kita kerana berjaya juga membendung gejala-gejala tidak sihat yang selalu timbul daripada perjudian-perjudian jenis lumba kuda ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita ingin sentuh ialah mengenai beberapa perkara mengenai lumba kuda. Syukur kepada Allah, lumba kuda yang dahulunya terletak dekat Jalan Ampang sana itu dan apabila hari Sabtu/Ahad, 'jammed'lah kita di situ berjam-jam, mungkin sampai tidak boleh lalu, maka sekarang telah dipindahkan di kawasan yang sesuai. Kemudian di Sabah saya tidak tahu di mana barangkali padang lumba kuda ini akan ditempatkan selain daripada yang pernah ada, adakah ianya akan dibangunkan lagi atau lain. Tetapi masalahnya ialah tidakkah dapat dicari jalan bagi mengurangkan sedikit minat mereka yang suka menjadi Mat Jenin ini kerana kita terdapat juga beberapa perkara-perkara penjualan nombor secara haram. Kalau secara halal, saya sebenarnya bukan minat di dalam lumba kuda ini, tidak ertipun, tetapi meneliti daripada pembacaan, penelitian melalui rancangan-rancangan media cetak, media elektrik, kita dapati lumba kuda ini kalau yang beli terus, itu memang diharamkan, memang ada. Tetapi ada juga yang sindiket menjual, memberi tip-tip nombor, tip-tip nombor kuda ini-hari ini kuda Rencana Walang akan naik. Nombor kuda sekian, joki sekian. Kemudian kerana ini ada pula yang sampai sanggup berbunuh-bunuh kerana mengikut fatwa-fatwa ilmu-ilmu sihir, maksudnya berbomoh-bomoh kerana hendakkan nombor ini dan nombor itu nanti akan menang di dalam lumba kuda yang akan diadakan dan ini akan mengkayakan pihak-pihak yang tertentu.

Maka gejala-gejala sindiket yang kurang sihat inilah yang saya hendak sentuh. Adakah disedari atau tidak disedari dan kalau disedari macam mana cara hendak mengatasinya. Satu cerita baru-baru ini yang kita baca di dalam surat-kabar di mana satu kuburan lama telah dikorek semula, dibawa segala tulang-tulangnya ke rumah dan kemudian digunakan satu daripadanya hendak bagi ilmu supaya wanita-wanita takut, tunduk, patuh dengan perintah-perintah sindiket ini untuk dijadikan bunga malam.

Tuan Yang di-Pertua hendak tanya bunga malam ini apa? Tidak payah tanyalah ya. Bunga malam—tiada siapa minta penjelasan, selain daripada itu ada juga digunakan untuk menurun bagi mendapatkan nombor-nombor ekor. Nombor ekor ini kebanyakannya daripada kudalah. Dahulu ada dua, Lembaga Kebajikan Masyarakat tetapi sekarang ini sudah tidak ada Lembaga Kebajikan Masyarakat, syukur Alhamdulillah, tinggal kuda sahaja, menurunlah berbagai-bagai cara.

Ada yang memakai selimut kuning, ada yang memakai selimut hitam, ada yang sembelih burung, mandi dengan burung, anak kambing dan akhirnya yang paling menakutkan ada yang membunuh anak kecil dan ada juga yang membunuh anak dara sunti dengan cara-cara tertentu. Pernah berlaku di negeri lain dan kita takut nanti sampai ke negeri kita.

Tetapi kegiatan-kegiatan superstitious atau yang tahyul ini nampaknya makin maju negara kita, makin berkembang dan makin berminat orang-orang ini hendak menggunakan ilmu sihir bagi mendapatkan nombor ekor supaya kudanya menang dan bila menang nombor yang dijual itu menang dan ada hadiahnya, ribu, mungkin ratus ribu dan juta-juta dan terdapat juga banyak cerita-cerita ganjil dalam masa lumba kuda ini ataupun pertandingan

lumba kuda ini. Ada suami isteri yang bercerai-berai, ada suami yang kalah main kuda, jual isteri, ada juga yang menjual harta bendanya dan tidak kurang juga pegawai-pegawai tinggi Kerajaan terpaksa melakukan rasuah kerana mereka berminat sangat dengan main kuda.

Terdapat juga sektor-sektor korporat, terdapat juga orang-orang yang memegang jawatan dalam koperasi-koperasi, ada di antara mereka yang telah mengguna, menggelapkan duit atau menjadi tidak amanah dalam kerjanya semata-mata kerana beliau gila kuda, dipanggil penyakit ini, Tuan Yang di-Pertua, penyakit gila kuda. Bukan kuda yang digilakannya tetapi kemenangan kuda lumba itu yang dimimpikannya.

Terbit daripada risiko-risiko yang saya sebutkan, dan banyak lagi, tidak dinafikan pulangan kewangannya kepada sumber ekonomi negara. Tidak dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, hanya sanya dalam kita hendak mencari sumber-sumber kewangan kepada negara yang aman damai dan juga untuk menjayakan cita-cita rakyat, kita harap perkara-perkara yang begitu menimbulkan suasana yang tidak sihat atau kalau dalam agama Islam dikatakan ianya al-haram, dapat diredakan atau dikawal sebaik-baiknya sebelum kemerebakannya itu tiba. Tidak juga mustahil kalau di satu ketika nanti tidak ada kerja, menganggur, katanya ramai yang memilih kerja. Saya tidak tahu benar tidaknya. Kalau hendak bekerja, kata seorang Menteri yang menjawab, kalau penganggur 14,000 itu kalau dia hendak bekerja mesti boleh dapat kerja. Yang sebenarnya mereka itu menganggur kerana mereka memilih kerja.

Saya tidak faham adakah benar atau tidak seorang siswazah kita berkelulusan arkitek, berkelulusan engineer, berkelulusan dalam bidang undang-undang ataupun perubatan mereka hendak bekerja di kandang

kuda, cuci kuda atau mereka mesti membuat kerja-kerja angkat najis-najis kuda. Apakah ini dikatakan mereka itu memilih dan kalau yang bercakap itu anaknya seorang siswa atau siswazah, apakah dia rela anaknya pergi mencuci kandang kuda sedangkan kelulusannya ialah seorang doktor perubatan yang sudah confirm dalam kedoktorannya atau seorang engineer yang telah mendapat tinggi ijazahnya atau seorang economist yang sudah lulus Masters. Apakah ini kita rasa sesuai, lalu kita katakan memilih-milih kerja. Saya menyeleweng sedikit, tetapi ada kuda. Ada kuda, Tuan Yang di-Pertua, ertinya mereka itu kalau tidak ada kerja pergilah jual tiket lumba kuda, cuci kandang kuda, cuci kuda, jadi jockey umpamanya, sebab di sana ada kerja banyak juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, diharapkan semua ini akan dapat dikawal, akan dapat diberikan perhatian juga, jangan dibiarkan sewenang-wenangnya kerana biasanya kalau cacing sudah masuk ke mata susah hendak dibaiki.

Kita bimbang kerana masalah-masalah pembangunan yang pesat nanti banyak pula orang-orang yang hanya menumpu perhatiannya mencari rezeki dalam gelanggang lumba kuda. Lalu berlakulah berbagai-bagai peristiwa yang mungkin menjejaskan Visi 2020, atau boleh menjejaskan juga kepada imej rakyat yang kita sedang bina, yang kita hendak, yang tercantik, yang maju, yang dinamik, yang baik, peribadi tinggi dan berbagai-bagai lagi itu, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu, sekali lagi saya menyokong kepada Akta yang sedang dibentangkan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri daripada Kementerian Kewangan untuk memberikan jawapan.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Aionon yang telah bangun untuk membahaskan Usul di hadapan kita dan menyokong Usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sukacita kerana Yang Berhormat Senator telahpun dapat mengesan tujuan pokok kepada Usul yang dibentangkan iaitu untuk membawa kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang sebegitu rupa supaya dapat mengawal amalan-amalan judi di negeri-negeri di mana undang-undang tersebut belumpun dikuatkuasakan iaitu di Sabah, Sarawak dan di Labuan.

Kita tidak rela menerima apa jua dakwaan yang mengatakan bahawa tujuan membawa undang-undang itu ke negeri-negeri yang berkenaan adalah untuk tujuan mengizinkan perjudian di tempat-tempat tersebut kerana ada pihak di kalangan kita yang memutarbelitkan matlamat Usul ini dan pergi ke kampung-kampung menggunakannya untuk membuat dakwaan bahawa tujuannya adalah sebaliknya pula.

Oleh yang demikian, apabila Yang Berhormat Senator bersetuju bahawa dengan adanya kuasa tersebut maka bukan sahaja kita menerima pendirian pihak Kerajaan Negeri Sarawak yang kebelakangan ini membuat pendirian yang tegas supaya judi dibanteras dengan tindakan-tindakan undang-undang berdasarkan kepada kuasa Kerajaan Negeri adalah dialu-alukan dan dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan. Maka perluasan undang-undang ke Sarawak akan juga menepati dengan kehendak Kerajaan Negeri dan apabila tiba tempohnya nanti, lesen-lesen yang ditamatkan akan ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan.

Maka tumpuan kita pula, Tuan Yang di-Pertua, untuk membawa undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak ialah akan tiba masanya untuk kita membuat kajian semula kedudukan amalan judi di negeri Sabah kerana dengan adanya kuasa pihak Kerajaan Persekutuan, ianya mengizinkan kita membuat kajian tersebut dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Selain daripada mengamati dan menghayati tujuan Usul ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana membuat rujukan tentang perkara-perkara yang ada kaitannya dengan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Memang betul bahawa kadangkala kita tidak salah mengaitkan di antara amalan-amalan yang tidak sihat seperti penglibatan setengah-setengah pihak dalam masyarakat kita dalam Skim Cepat Kaya dengan amalan berjudi kerana kalau kita ambil pada pokoknya, tidak ada perkiraan yang rasional. Tidak ada bentuk pelaburan yang boleh mendatangkan pulangan pada kadar yang tinggi dengan masa yang begitu singkat untuk seseorang menjadi kaya melainkan dengan cara amalan judi yang terkandung di dalam Skim Cepat Kaya.

Jadi kita telahpun menasihatkan masyarakat umum supaya terhindar daripada terlibat dalam skim cepat kaya kerana adanya elemen perjudian di situ. Kita pun merasa hairan kerana berbagai-bagai inisiatif dan daya cipta di kalangan setengah-setengah ahli masyarakat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk menjadi kaya dengan cepatnya sama ada dengan ilmu ghaibnya ataupun ilmu-ilmu yang berbagai-bagai. Kalaulah sekiranya inisiatif dan daya cipta yang ada di kalangan masyarakat seperti ini dihalakan kepada inisiatif dan daya cipta yang konstruktif, agaknya lebih bahagia hidup kita di Malaysia ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka kaitan daripada perkara yang dibangkitkan oleh Senator Ainon tadi ialah mengenai amalan-amalan perjudian secara gelap. Di antara sebab mengapa pihak Kerajaan, kerana setengah-setengah orang menanyanya kenapa tidak diharamkan kesemua jenis-jenis judi di negara kita ini, maka di antara hujah yang digunakan ialah kalau sekiranya diharamkan kesemuanya apa jenis pun maka akan menjadi lebih berleluasa amalan judi secara gelap dan secara haram yang ada pula kaitannya dengan hal-hal jenayah yang negatif yang mungkin merumitkan lagi kesejahteraan hidup masyarakat kita.

Kita tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada kecenderungan di setengah-setengah daripada kita untuk memasukkan elemen judi dalam pemikiran kita. Kadang-kadang orang membuat pertaruhan berdasarkan kepada sebab-sebab yang paling remeh. Saya diberitahu katanya hujan turun tiap-tiap hari di Taiping, maka orang bertaruh pada saat minit yang mana satu hari tersebut hujan akan turun. Orang bertaruh tiap-tiap hari berdasarkan kepada bila hujan turun di Taiping. Jadi tak hairanlah kalau sekiranya 2-3 hari yang lalu misalnya Johor mengalahkan Terengganu 1-0 pun ada orang bertaruh. Di Perai calon DAP kalah, rasa saya ada juga orang bertaruh. Jadi kecenderungan-kecenderungan seperti begini merupakan satu amalan yang tidak sihat dalam masyarakat kita. Jadi, kalau sekiranya kemudahan-kemudahan untuk menyalurkan kecenderungan seperti begini dibanteras, maka kecenderungan yang tidak sihat ini akan dihalakan kepada amalan-amalan secara gelap.

Kita tidak mengatakan bahawa yang dihalalkan kerana kita tak rela banyak secara gelap akan berlaku, itu bukan hujah yang utama yang kita gunakan, tetapi kita kena mengambilkira. Kalau sekiranya apabila kita mengakui hakikat adanya amalan secara haram

ini, maka kita memerlukan keinsafan dalam masyarakat kita bahawa itu merupakan amalan hidup yang tidak sihat, maka sewajarnya wujud dalam sanubari ahli masyarakat bahawa itu adalah amalan yang negatif. Selain daripada itu, maka sewajarnya kita harapkan pihak-pihak penguatkuasaan, lebih-lebih lagi pihak Perkhidmatan Polis untuk mengawal amalan-amalan yang gelap seperti begini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengambil tindakan-tindakan untuk memastikan bahawa khususnya di kalangan masyarakat Islam dilarang untuk berjudi di tempat-tempat tertentu bahawa kita membuat amaran yang cukup supaya tidak mengizinkan rakyat Malaysia yang belum lagi cukup umurnya untuk masuk ke tempat tempat judi dan kita memastikan bahawa lokasi-lokasi tempat perjudian juga adalah jauh daripada tempat-tempat yang mendedahkan masyarakat umum kepada amalan-amalan judi.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan setiap tahun, setiap kali mesyuarat Parlimen ini soalan-soalan yang diketengahkan dalam soal judi maka bukan sahaja kerana sebab-sebab tersebut, tetapi berdasarkan kepada langkah-langkah susulan yang perlu diambil dan berdasarkan kepada keinsafan di kalangan ahli-ahli Kerajaan bahawa judi perlu dibanteras. Maka langkah seterusnya yang diambil oleh pihak Kementerian Kewangan untuk tindakan yang selanjutnya ialah mengarahkan supaya pihak SERU membuat satu kajian yang terperinci tentang soal judi dalam negara kita ini.

Kita mengagak-agak apakah kesan daripada, misalnya menarik lesen judi Empat Nombor Ekor di Sarawak dan di Kelantan. Ada pihak mengatakan bahawa ianya membawa kesan bahawa orang-orang Kelantan pergi ke sebelah utara sana untuk berjudi. Judi secara gelap bertambah pula di Kelantan. Ini merupakan gambaran daripada laporan-laporan pihak-pihak tertentu, tetapi

sewajarnya kita mengambil langkah-langkah membuat kajian yang terperinci untuk kita mengenalpasti siapa di antara ahli masyarakat Malaysia ini yang berjudi dari segi taraf sosio-ekonomi mereka di tahap mana, di kalangan taraf sosio-ekonomi yang rendahkah, yang pertengahan, bahkan di kalangan yang atasan pun. Kalau mereka ini di peringkat-peringkat tertentu ada yang berjudi, apakah jenis judi yang mereka ceburi. Apakah jenis kerja di kalangan mereka yang berjudi yang pergi ke kedai 4 digit ini saban hari untuk membeli nombor masing-masing. Di peringkat umur manakah mereka yang terlibat, sama ada kalangan muda agaknya sampai di kalangan yang dewasa, sama ada ianya lebih berleluasa di bandar, di pekan kecil ataupun di bandar-bandar besar ataupun ianya terhad kepada orang lelaki ataupun ada juga orang perempuan yang suka berjudi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara-perkara dan tajuk-tajuk yang perlu kita kenalpasti siapa yang berjudi. Kemudian kita hendak tahu juga mengapa mereka berjudi selain daripada kecenderungan mendapat wang dengan secara cepat, mendapat untung dengan sekelip mata. Adakah mereka ini dipengaruhi oleh kawan sebaya ataupun mereka ini datang daripada keluarga yang agak daripada dahulu sudahpun terdedah kepada judi. Dan kita juga hendak melihat implikasi kepada judi, sama ada implikasinya terhadap kerjayanya, terhadap prestasinya di tempat-tempat kerja, kesannya terhadap kebahagiaan hidup keluarga dan lebih daripada itu kesannya terhadap masyarakat dan negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyahut teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan ini ataupun di Dewan Rakyat, maka Kementerian Kewangan telahpun menganjurkan pihak SERU untuk membuat kajian tersebut dan apabila siap nanti, maka kita akan

dapat membawa jawapan-jawapan dengan lebih tepat lagi kepada Dewan Negara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di atas komen-komen dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (BIDANG KUASA JENAYAH)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.24 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memberi Mahkamah-mahkamah Anak Negeri bagi negeri-

negeri Sabah dan Sarawak bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi bidang kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan pembicaraan dan hukuman mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Anak Negeri atau adat menerusi Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 yang dibuat menurut butiran 13, Senarai 11A, Senarai Perundangan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Adalah dimaklumkan bahawa Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak pada masa ini diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman denda atau penjara di samping kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh Undang-undang yang berkenaan. Namun demikian, tidak ada Undang-undang Persekutuan yang memberi bidang kuasa untuk membicarakan dan menghukum bagi kesalahan-kesalahan jenayah kepada mahkamah-mahkamah tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh butiran 13 Senarai 11A, Senarai Perundangan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Peraturan mengenai hukuman dan pemenjaraan bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953, Bab 86 dan di bawah Seksyen 6 (1) Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955, Bab 43.

Pada hakikatnya, adalah jelas menunjukkan bahawa Seksyen 6 (1) Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955 memberi sekatan tertentu kepada hukuman yang boleh

diberi oleh Mahkamah Anak Negeri di Sarawak berbanding dengan peruntukan Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953 yang memberi kuasa sepenuhnya tanpa sekatan kepada Mahkamahnya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kes Haji Lagan Tarki Mohd. Nor lawan Mahkamah Anak Negeri Penampang 1988, Mahkamah Agung telah memutuskan, di antara lain, bahawa kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara di bawah Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953 hanya boleh diberi kuasa oleh satu perundangan Persekutuan yang diluluskan selaras dengan butiran 13 Senarai 11A, Senarai Perundangan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, bidangkuasa yang akan diberi kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri melalui Rang Undang-undang ini adalah setakat apa sahaja bidangkuasa terhadap kesalahan-kesalahan yang dinikmati selama ini di bawah Ordinan-ordinan tersebut dan pemberian bidang kuasa ini akan mengesahkan sepenuhnya bidangkuasa masing-masing di bawah Perlembagaan Persekutuan. Adalah dicadangkan juga bahawa sekatan maksimum yang telah sedia ada di bawah Seksyen 6(1) Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955 di mana Mahkamah tersebut boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan tidak melebihi 2 tahun dan didenda sehingga \$200 dikekalkan dan diselaraskan kepada Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953.

Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan memberi kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak untuk menjalankan perbicaraan dan seterusnya menjatuhkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya bagi kesalahan-kesalahan di bawah

Undang-undang Anak Negeri atau adat dan bidang kuasa ini tidak termasuk kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Kesiksaan. Seterusnya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi pengesahan kepada semua hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah-mahkamah Anak Negeri sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan dan apabila diluluskan kelak akan memberi bidang kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan pembicaraan dan hukuman mengenai kesalahan-kesalahan jenayah tertentu menerusi satu Rang Undang-undang Persekutuan yang dibuat menurut butiran 13 Senarai 11A Senarai Perundangan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan melalui Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk memberi Mahkamah-mahkamah Anak Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tidak ada sesiapa yang hendak bercakap? Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,746,529,100 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990 adalah berjumlah \$3,010,721,645. Dari jumlah ini, sebanyak \$2,541,470,000 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut, sebanyak \$469,251,645 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$2,079 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan.
- (2) Tambahan sebanyak \$135.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan.
- (3) Tambahan sebanyak \$81.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan dua skim Perkhidmatan Pendidikan dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (4) Tambahan sebanyak \$63.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19—Kementerian Pertanian bagi membiayai subsidi harga padi dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (5) Tambahan sebanyak \$60.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai subsidi barangan petroleum.
- (6) Tambahan sebanyak \$28.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27—Kementerian Luar Negeri untuk sumbangan Kerajaan kepada Pertubuhan African National Congress dan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran pelarasan gaji ekoran daripada penyusunan semula struktur Perkhidmatan Pentadbiran, kenaikan kadar sewaan ruang pejabat Kedutaan Malaysia di luar negeri, rumah-rumah kediaman pegawai dan kakitangan, perbelanjaan membawa pulang rakyat Malaysia dari Kuwait berikutan teretusnya Perang Teluk dan perbelanjaan bagi Pemerhati Komanwel pada masa Pilihanraya Umum yang lalu.
- (7) Tambahan sebanyak \$20.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum pada bulan Oktober 1990.
- (8) Tambahan sebanyak \$20.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan untuk membiayai kenaikan Elaun Khidmat Awam dan emolumen.
- (9) Tambahan sebanyak \$18.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54—Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai kenaikan Elaun Khidmat Awam dan bagi membiayai pelaksanaan Program Pembangunan Koperasi tahun 1990.

- (10) Tambahan sebanyak \$13.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.40—Jabatan Penjara untuk menampung bayaran emolumen dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (11) Tambahan sebanyak \$8.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.28—Perbendaharaan untuk membiayai program pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara bagi Jabatan Mengakaun Sendiri Fasa 1 dan Fasa 2 dan perbelanjaan berkaitan dengan perpindahan Jabatan Akauntan Negara Cawangan Wilayah Persekutuan ke Menara Maybank.
- (12) Tambahan sebanyak \$4.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.13—Kementerian Kehakiman untuk menampung bayaran kenaikan Elaun Khidmat Awam, bayaran emolumen bagi pengisian jawatan baru, perbelanjaan pertukaran pegawai-pegawai dan pembelian buku, mesin resit serta kenderaan.
- (13) Tambahan sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52—Kementerian Kerja Raya untuk membiayai perbelanjaan sewa ruang pejabat dan kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat baru dan pembelian perabot.

Peruntukan tambahan yang lain-lain sebanyak \$4,540,400 adalah untuk membiayai berbagai-bagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.2—Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, B.5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.10—Jabatan Peguam Negara, B.43—Jabatan Pertahanan Awam, B.47—Kementerian Pengangkutan dan B.51—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1991 adalah berjumlah \$205,239,100. Dari jumlah ini sebanyak \$205,059,100 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$180,000.00 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan Tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30, Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun dari jumlah ini sebanyak \$100 juta adalah untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Amanah Industrial Adjustment Fund untuk tujuan penyusunan semula industri dan sebanyak \$0.5 juta adalah untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Amanah Kebajikan Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba;
- (2) sebanyak \$45.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk membayar balik wang pendahuluan Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah dibelanjakan bagi membayar subsidi harga padi untuk tahun 1989 dan 1990;

- (3) Sebanyak \$24.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai skim diskaun harga getah bagi tahun 1991;
- (4) sebanyak \$12 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52 Kementerian Kerja Raya. Dari jumlah ini sebanyak \$8 juta adalah untuk menampung perbelanjaan mengatasi masalah kekurangan air di negeri Melaka dan sebanyak \$4 juta untuk pembelian kereta-kereta rasmi bagi anggota pentadbiran dalam tahun 1991.
- (5) sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai pembelian alat-alat ganti bagi bot-bot ronda;
- (6) sebanyak \$5.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan mengurus Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan di Sabah.

Peruntukan tambahan yang lain-lainnya yang berjumlah \$6,370,500 adalah untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, B.21—Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan B.56—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan keterangan-keterangan yang lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Pertama) 1991 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Aion.

4.46 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya ingin bersama-sama bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan semua rakan-rakan di Dewan Negara ini, insya Allah, menyokong penuh tentang Akta ini kerana kalau kita tidak sokong perkara ini sudahpun berjalan sebab ianya untuk tahun 1990/1991. Tidak ada maknalah (meaning) kalau kita hendak 'reject' atau lain-lain.

Tetapi meneliti daripada peruntukan-peruntukan yang diberikan ini satu persatu, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang membentangkan Akta ini iaitu, saya lihat di sini ada dua peruntukan yang

diberikan kepada satu Kementerian yang sama iaitu B. 51 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kemudian ada satu lagi juga untuk Kementerian yang sama iaitu B. 56. Mungkin ini barangkali dibuat dua peruntukan kerana peraturan atau kerana sudah dikemukakan peruntukan, tidak cukup lagi, dikemukakan lagi atau kerana kepentingan-kepentingan yang terdesak dan tertentu maka wang itu perlu diperuntukkan.

Keduanya, Kementerian Kerja Raya. Ini saya hairan sedikit, B.52 dengan yang lagi satu, juga B.52—Kementerian Kerja Raya. Yang satu itu \$3,905,100 dan yang satu lagi \$12 juta. Saya dengar tadi yang \$3 juta atau hampir \$4 juta ini digunakan untuk sewa ruang pejabat dan tukar perabot-perabot baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam taklimat yang diberikan oleh Menteri Kewangan yang baru Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau telah menyarankan tema Menteriannya pada tahun-tahun akan datang ialah jimat-cermat. Saya dapati apabila bertukar sahaja seorang Menteri ke Kementerian yang lain maka bertukarlah semuanya, segala-galanya, daripada caranya, pendekatannya—dasar mungkin tidak bertukar, tetapi yang pasti sangat yang akan bertukar ialah bentuk pejabat dan perabotnya. Tetapi saya mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri Wanita, dapat pejabat mana pun itulah juga, tiada apa-apa perubahan yang diminta, pakai sahajalah yang ada itu, sama ada Menteri penuh atau Timbalan Menteri kerana saya pernah membuat kunjungan hormat kepada Menteri-menteri Wanita ini tidak ada apa benda pertambahan yang diminta malahan kekurangan sahaja yang ada. Tetapi kalau Menteri-menteri lelaki kita, terutamanya Menteri-menteri yang sekarang berada di Kementerian Kerja Raya, dengan rasa hormat kepada

prestasi kerja yang baik, mereka mesti tukar. Kalau dahulu karpet warna putih, tukar kuning; kalau kuning, tukar biru atau maroon.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ini termasuk dalam istilah jimat-cermat atau bermewah-mewahan atau masuk dalam istilah pembaziran sedangkan wang ini kalau digunakan untuk kegunaan rakyat alangkah banyak nikmatnya. Saya ucap tahniahlah kepada Kementerian Kerja Raya (B.52) ini, kerana daripada peruntukan \$12 juta yang dimintanya sebagai tambahan, maka \$8 juta digunakannya untuk masalah air di Melaka. Orang Melaka gelisah, ada paip tidak ada air, kepala paip bukan main cantik, air tidak keluar dan masalah-masalah lain lagi yang kita pun sangat simpati sehingga Perdana Menteri campur tangan dan perkara itu sedang diproses untuk diselesaikan. \$4 juta lagi untuk pembelian kenderaan-kenderaan anggota-anggota pejabat rasmi Kementerian berkenaan. Kemana perginya kereta-kereta dan kenderaan yang lama? Saya rasa tidak ada lagi yang begitu daif kalau baru pakai tiga tahun. Sekarang hendak tukar baru sebab Menteri baru, Timbalan Menteri baru, Setiausaha Parlimen pun mungkin baru, tetapi Pengarah-pengarah yang itu juga, Ketua Pengarah dengan Timbalan Pengarah tidak yang bertukar sangat. Tetapi ada banyak perkara-perkara, kenderaan-kenderaan dan juga kegunaan-kegunaan yang terpaksa ditukar baru. Apakah kerana barang-barang itu sudah daif atau kerana habit ingin tukar? Apabila Menteri ini di sini dia mahu tukar semuanya ikut ala dia, atau memang begini aturan dan peraturannya.

Kita tidak pula hendak membantah kerana ini juga merupakan imej. Kalau Kementerian itu pejabatnya cantik, tinggi mutunya, kualitinya, kemudian kenderaan-kenderaannya serba baru, Mercedes-mercedes belaka—tidak

pakai Proton Saga—mesti Mercedes belaka, diimport dari luar negeri semuanya kemudian kadang-kadang peralatan perabot pun diimport juga. Cakap dengan rakyat 'gunakan bahan tempatan', tetapi import ada juga—ada yang pakai cermin Italiano iaitu from Italy, from France, from America, Australia dan mana-mana lagi, banyak lagilah negeri-negeri luar.

Kita tidak pula membantah, tetapi kita ingin bertanya selaras atau tidak jimat-cermat dengan perkara yang telah dilakukan? Apakah perkara begini akan diteruskan sepanjang zaman, dan apakah ini elok dikaji semula atau memang ini sudah semestinya begitu? Ini pertanyaan. Timbalan Menteri Kewangan ini baru pegang Kementerian Kewangan. Saya tahu beliau seorang yang ekonomis dan yang sangat suka kepada perkara jimat-cermat. Adalah diharapkan di masa akan datang perkara-perkara ini hendaknya diberikan perhatian.

Kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini saya tidak pula bantah atau tidak pula menyentuh malahan menyokong penuh, berilah lebih peruntukan di situ sebab kegunaannya sangat meluas, dan sangat menjurus kepada kemasyarakatan serta ianya menuju kepada matlamat membasmi kemiskinan dan membangunkan negara, tambahlah berapa banyak pun tidak apa. Saya percaya pejabat ini macam itu juga beberapa hari sudah, belum ada pejabat pun, sehingga ini masih menyewa lagi.

Mengenai Kementerian Kerja Raya ini, walaupun ia kerja dan raya tetapi ia janganlah beraya-ryaya, Tuan Yang di-Pertua, bimbang juga terlampau sangat kita beria-ria, beraya-ryaya, besok jadi macam pepatah orang Perak "pape kedane". Jadi kalau terlampau banyak Kementerian-kementerian membelanjakan benda-benda pembaziran

begini, dikhuatirkan terjejas nanti peruntukan-peruntukan yang hendak dialirkan kepada kemajuan negara dan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa sukacitanya saya sekali lagi menyokong kepada Rang Undang-undang yang di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput pencadang Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan.

4.53 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal memberi kemudahan kepada ahli-ahli Kerajaan, peruntukan tambahan ini tidak membezakan antara ahli Kerajaan wanita dan lelaki.

Di peringkat awal ini saya ingin untuk membuat penegasan bahawa peruntukan yang dipohon untuk disahkan oleh Dewan Negara yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berdasarkan kepada segala peruntukan prosedur kewangan yang dipatuhi oleh Jabatan-jabatan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Maka dari segi keperluannya dan juga dari segi jenis dan kualiti, yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada apa jua amalan-amalan biasa yang telahpun diperuntukan di dalam prosedur-prosedur kewangan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan di sini mengenai perbezaan di antara B.51 dan B.56 untuk Kementerian yang sama. Yang pertamanya adalah kerana B.51—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, ia adalah peruntukan tambahan untuk kali ketiga Belanjawan 1990, iaitu

tambahan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi sambutan dan Hari Keluarga Kebangsaan dan kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam.

Bagi Kepala B.56 bagi Kementerian yang sama ialah keperluan tambahan yang diminta dalam perbelanjaan tambahan kali pertama tahun 1991, sebanyak \$1.96 juta untuk membiayai kerja-kerja ubahsuai pejabat baru bagi ibu pejabat Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dan sewaan sekali gus ruang pejabat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang perlu saya buat ialah untuk menerangkan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengapa satu Kementerian disebut dua kali dalam perbekalan kita ini.

Selain daripada mematuhi segala prosedur kewangan yang telah ditetapkan, ingin saya maklumkan bahawa peruntukan yang terangkum di dalam perbelanjaan tambahan ini juga merangkumi bukan sahaja pembelian perabot, tetapi untuk sewaan bulanan dan tahun yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan membeli motokar, ini berlaku ekoran daripada Pilihanraya Umum pada bulan Oktober, 1990. Motokar yang perlu diganti sama ada motokar itu cukup had umurnya ataupun oleh kerana pengwujudan Kementerian-kementerian yang baru, yang memerlukan kepada tambahan.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa had umur motokar yang diizinkan untuk diganti ialah selepas umur 4 tahun ataupun lebih dan ada di antara ahli-ahli Kerajaan yang telahpun menggunakan motokar lebih daripada had masa tersebut. Dan Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin pun sedia maklum bahawa ada perlantikan-perlantikan baru yang dibuat oleh pihak Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri yang memerlukan kepada kemudahan motokar.

Satu amalan yang dipatuhi dalam dalam soal motokar ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun bukan Proton Saga tetapi disyaratkan supaya motokar-motokar tersebut adalah yang dipasang di Malaysia, walaupun Mercedes Benz, tetapi ia disyaratkan bahawa motokar itu tidak diimport secara CBU, tetapi dihadkan motokar yang dipasang di Malaysia. Jadi kita ahli-ahli Kerajaan tidak dapat mengada-ngada untuk membeli motokar-motokar yang model-model atau jenis yang lain, selain daripada harga yang dihadkan, peruntukan yang dihadkan dan yang dipasang di Malaysia. Jika sekiranya ada yang hendak memilih motokar yang lain, walaupun harganya agak lebih rendah daripada yang diperuntukan, tetapi kereta tersebut diimport bulat-bulat daripada luar negeri, itupun tidak diizinkan. Jadi saya percaya Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin pula tidak rela supaya Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri memakai Proton Saga. Insya Allah Proton akan menjadi setanding satu hari nanti dengan Mercedes Benz, maka kita semua dengan relanya menggunakan Proton Limousine setanding dengan Mercedes Benz insya Allah, satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menerima saranan yang dibuat oleh Senator Aion Ariffin supaya Kerajaan terus mempertahankan amalan jimat-cermat ini. Kita telah melalui satu zaman kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80an yang banyak memberi pengajaran kepada kita. Sebelum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh pembaziran yang telah kita warisi telah dapat dilihat di satu, dua Kementerian di mana ada perabot-perabot yang sengaja dipesan dan dibeli dengan harga yang begitu tinggi, tetapi selepas

daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sejak bekas Menteri Kewangan yang lalu mengambil tampuk pentadbiran Kementerian Kewangan, amalan jimat-cermat tersebut dimulakan dan, insya Allah, akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dibandingkan pejabat-pejabat Menteri yang ada di semua Kementerian dengan pejabat-pejabat Ketua Eksekutif bukan sahaja di sektor swasta bahkan kalau hendak dibandingkan dengan ketua-ketua di Badan-badan Berkanun, kalah pejabat-pejabat Menteri. Ini kita terima sebagai satu hakikat yang tidak melemahkan semangat untuk ahli-ahli Kerajaan berkhidmat. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa pejabat-pejabat Kerajaan perlu dipelihara sebegitu rupa bukan sahaja ahli-ahli Kerajaan di peringkat pimpinan, tetapi juga pegawai-pegawai Kerajaan, ruang pejabatnya sentiasa dalam keadaan yang bersih dan terpelihara. Kalau ada kerusi dan meja yang rosak sepatutnya diperbaiki supaya suasana dan semangat kerja dapat dipertahankan. Kita sedia maklum bahawa hanya dalam pejabat dan ruang pejabat yang selesa dan yang bersih sahaja, yang menggambarkan maruah Jabatan Kerajaan dan kakitangan Kerajaan dan pada tahap itu, kita perlu mempertahankannya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan kewangan dan kesedaran kita mengenai perkara ini maka akan kita teruskan saranan-saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Ainon tadi. Saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail**): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang menetapkan peranan, tugas Jabatan Penerbangan Awam sebagai satu badan kawalselia atau, dengan izin, regulatory body, yang meliputi aspek pelesenan, pemeriksaan dan pengawalan padang terbang, caj- caj dan bayaran, tarikh pemindahan harta dari DCA kepada syarikat pengendali, tanggungjawab dan tugas syarikat pengendali dan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ke atas syarikat bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Rang Undang-undang mengenai cadangan pindaan kepada Akta Penerbangan Awam 1969. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, beberapa tindakan telah diambil dalam usaha untuk memperbadankan Jabatan Penerbangan Awam atau DCA, dengan izin. Ini termasuk kajian-kajian mengenai struktur kewangan, kedudukan kakitangan dan aspek perundangan.

Berhubung dengan aspek perundangan, adalah didapati Akta Penerbangan Awam 1969 tidak begitu lengkap mengenai beberapa aspek dalam konteks memperbadankan lapangan terbang. Dan secara umumnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk menetapkan tugas, peranan Jabatan Penerbangan Awam sebagai badan kawalselia, regulatory body.

Di samping itu, beberapa peruntukan baru berkaitan dengan pelesenan, pemeriksaan dan pengawalan padang terbang, caj-caj dan bayaran, tarikh pemindahan harta DCA kepada syarikat pengendali dan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ke atas syarikat juga diadakan. Antara perbekalan-perbekalan penting yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) Menetapkan peranan tugas Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam sebagai pihak berkuasa dalam hal-hal kawalselia teknikal dan ekonomi.
- (2) Peruntukan baru dalam Akta mengenai pelesenan, pemeriksaan dan pengawalan padang terbang demi keselamatan penerbangan awam.
- (3) Peruntukan baru untuk membolehkan Menteri Pengangkutan membuat peruntukan-peruntukan yang menetapkan caj-caj dan fee-fee bagi

perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di lapangan-lapangan terbang dan pengutipan caj-caj dan fee-fee berkaitan.

- (4) Kuasa Menteri mengeluarkan lesen untuk tujuan membina, menyelenggara dan mengendalikan lapangan-lapangan terbang.
- (5) peruntukan baru untuk menetapkan tarikh pemindahan harta-harta Jabatan Penerbangan Awam yang ditetapkan, (specified) kepada syarikat pengendali.
- (6) Peruntukan baru untuk membolehkan DCA mengutip pendapatan dari syarikat pengendali akibat daripada pemberian lesen dan perkhidmatan tertentu yang diberi oleh DCA.
- (7) Peruntukan baru untuk membolehkan Menteri Pengangkutan memberi lesen kepada sesuatu syarikat yang dinamakan oleh Kerajaan untuk mengusahakan apa-apa perkhidmatan di lapangan-lapangan terbang yang ditetapkan. Dalam lesen berkenaan tempoh lesen, fee tahunan, tugas-tugas tertentu syarikat itu dan apa-apa terma dan syarat yang didapati sesuai oleh Menteri Pengangkutan akan dikenakan.
- (8) Peruntukan baru yang memberi kuasa kepada syarikat berlesen untuk memungut caj-caj dan fee-fee yang ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.
- (9) Peruntukan baru untuk memperuntukkan cara serta garis panduan di mana syarikat pengendali boleh mengemukakan permohonan dalam

bentuk memorandum untuk mengubahsuai kadar caj yang sedia ada dan prosedur pertimbangan permohonan itu oleh Menteri Pengangkutan.

- (10) Peruntukan baru menghendaki Menteri Pengangkutan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai perubahan pada caj-caj dan fee-fee jika beliau meluluskan permohonan syarikat berlesen itu.
- (11) Peruntukan baru yang menyatakan tugas/tanggungjawab syarikat pengendali terhadap piawaian keselamatan dan operasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam.
- (12) Peruntukan baru mengenai Penalti Am bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat berlesen di mana kesalahan-kesalahan itu tiada penalti yang nyata iaitu specified.
- (13) Peruntukan baru untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pemeriksaan ke atas premis, bangunan serta kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang yang dikendalikan oleh syarikat berlesen demi kepentingan penerbangan awam.
- (14) Peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk menggantung atau membatalkan lesen apabila syarat-syarat lesen tidak dipatuhi oleh syarikat berlesen. Bagaimanapun, syarikat berlesen itu boleh membuat representasi kepada cadangan pembatalan lesen berkenaan.
- (15) Peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk meng-

gantung atau membatalkan lesen apabila mana-mana peruntukan Akta atau peraturan tidak dipatuhi oleh syarikat pengendali sekiranya didapati bahawa ketakpatuhan itu adalah serius sifatnya. Namun demikian, peluang adalah diberi kepada syarikat berkenaan untuk membuat representasi terhadap cadangan pembatalan lesen berkaitan.

- (16) Peruntukan memberi kuasa khas kepada Yang di-Pertuan Agong dalam apa-apa darurat awam atau demi kepentingan keselamatan awam untuk memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan menggantung lesen syarikat pengendali dan mengambil milikan sementara mana-mana lapangan terbang. Dalam keadaan sedemikian, syarikat pengendali akan diberi kompensasi atau gantirugi kewangan yang munasabah.
- (17) Peruntukan baru yang membolehkan peraturan-peraturan diadakan terhadap kegunaan tanah di Pulau Pinang dan Melaka di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dan syarikat pengendali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya

ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
LAPANGAN TERBANG DAN
PENERBANGAN (SYARIKAT
PENGENDALI) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 *ptg.*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubung dengan penerbangan awam pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan

Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991 adalah untuk membolehkan sebuah syarikat pengendali ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 bagi tujuan mengambilalih aspek-aspek operasi serta aset dan liabiliti tertentu DCA.

Fasal-fasal penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini ialah seperti berikut:-

Fasal 1 membuat peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa, sementara Fasal 2 adalah berhubung dengan tafsiran.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa Menteri Pengangkutan, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu segala harta, hak atau liabiliti yang berhubung dengan penerbangan awam yang dinyatakan (specified) dalam perintah itu hendaklah dipindah dan terletak pada syarikat pengendali.

Fasal 4 membuat peruntukan supaya sekuriti-sekuriti syarikat pengendali diterbitkan atau diumpukkan kepada Menteri Kewangan yang diperbadankan oleh Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 atas terma-terma dan syarat-syarat tentang pengumpulan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan dan bagi apa-apa pelupusan sekuriti-sekuriti itu oleh Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri Pengangkutan.

Fasal 5 memberi Menteri Kewangan kuasa, selepas berunding dengan Menteri Pengangkutan, untuk memperolehi sekuriti-sekuriti syarikat pengendali atau subsidiarinya atau hak-hak untuk melanggan sekuriti-sekuriti sedemikian untuk melupuskannya.

Fasal 6 memberi Menteri Kewangan kuasa, selepas berunding dengan Menteri Pengangkutan, selagi Kerajaan memegang tidak kurang daripada 5% daripada kesemua sekuriti yang diterbitkan dalam syarikat pengendali, untuk melantik wakil-wakil Kerajaan menganggotai lembaga syarikat pengendali.

Fasal 7 membuat peruntukan bagi struktur kewangan syarikat itu.

Fasal 8 membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Tiap-tiap orang yang diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengendali hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya ke atas Rang Undang-undang Perkhidmatan-perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali), 1991.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Penerbangan Awam pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.23 ptg.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubungan dengan keretapi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta Keretapi 1991 bagi bacaan kali kedua.

(Tuan Adam bin Kadir *mempengerusikan Mesyuarat*).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengurusan Keretapi Tanah Melayu (KTM) pada masa ini adalah

tertakluk kepada Ordinan Keretapi 1948. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, beberapa tindakan perlu diambil di dalam usaha untuk memperbadankan KTM. Ini termasuklah kajian-kajian mengenai struktur kewangan, kedudukan kakitangan dan aspek perundangan.

Berhubung dengan aspek perundangan didapati bahawa Ordinan Keretapi 1948 yang sedia ada tidak lagi sesuai bagi tujuan memperbadankan KTM. Memandangkan sebahagian besar daripada Ordinan tersebut perlu dipinda, maka adalah wajar supaya satu Rang Undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Keretapi 1991 digubal untuk menggantikan Ordinan Keretapi 1948.

Dalam pada itu, satu lagi Rang Undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 juga perlu digubal untuk membolehkan sebuah syarikat pengganti yang akan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 mengambilalih segala aspek operasi sebilangan aset dan liabiliti KTM.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keretapi 1991 ini akan menjadi undang-undang utama bagi semua perkhidmatan Keretapi di Malaysia, melainkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dikecualikan di bawah seksyen 2 dalam Rang Undang-undang tersebut.

Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 13 Bahagian seperti berikut.

Bahagian I—Permulaan. Bahagian ini meliputi tajuk, tarikh kuatkuasa dan interpretasi perkataan-perkataan yang terdapat di dalam kandungan Akta.

Bahagian II—Ketua Pengarah Keretapi. Bahagian ini memperuntukkan perlantikan seorang Ketua Pengarah Keretapi oleh Menteri.

Tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah adalah termasuk pengawalseliaan operasi keretapi dan perkhidmatan keretapi serta pemajuan kepentingan-kepentingan pengguna dan perkhidmatannya.

Bahagian III—Skim Keretapi. Bahagian ini mensyaratkan mana-mana pihak yang berhasrat membina suatu keretapi untuk menandatangani satu skim keretapi dengan Menteri yang mengandungi, antara lainnya, jenis dan sistem, laluan am dan tempat terminal, tambang dan aspek keselamatan bagi keretapi yang dicadangkan tersebut. Di samping itu, Bahagian ini juga memperuntukkan supaya setelah mendapat kelulusan bersyarat atau conditional approval, dengan izin, daripada Menteri, pihak pemohon hendaklah menandatangani pelan dan keratan mengikut skala dan satu buku rujukan yang mengandungi nama-nama tuan punya dan penerima pajak tanah-tanah yang dikehendaki bagi projek keretapi yang dicadangkan itu.

Di samping itu, sebarang bantahan mengenai cadangan pembinaan sesuatu keretapi hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Pengarah dalam tempoh 3 bulan dari notis terakhir dalam akhbar. Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan semua bantahan dan pandangan tersebut kepada Menteri untuk keputusan muktamad sama ada skim keretapi ini seharusnya diluluskan atau tidak.

Seksyen 10 dalam Bahagian ini juga memperuntukkan supaya tanah persendirian (private land) yang diperlukan bagi maksud membina landasan keretapi akan dianggap sebagai tanah yang diperlukan bagi maksud awam dalam ertikata Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bahagian IV—Pembinaan dan Kerja-kerja. Bahagian ini memperuntukkan supaya syarikat keretapi dapat menjalankan semua kerja pembinaan yang diperlukan bagi maksud membina landasan keretapi

tanpa halangan. Dalam pada itu, Bahagian ini juga memperuntukkan pembayaran pampasan sewajarnya kepada pihak yang berkenaan bagi pengambiln tanah.

Bahagian V—Pelesenan Syarikat Keretapi serta Pembukaan Keretapi. Bahagian ini memperuntukkan supaya mana-mana pihak yang hendak mengendalikan keretapi hanya dapat berbuat demikian setelah lesen dikeluarkan oleh Menteri selaras dengan seksyen 23. Di bawah seksyen 25, sesuatu keretapi hanya boleh dibuka untuk operasi dengan kelulusan Menteri.

Bahagian VI—Kewajipan-kewajipan Syarikat Keretapi. Bahagian ini memperuntukkan supaya syarikat keretapi membekalkan kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang ditentukan dalam lesen. Setelah mendapat kelulusan Menteri, Ketua Pengarah akan menentukan piawaian, dengan izin, (standard) perkhidmatan melalui peraturan-peraturan di bawah seksyen 32.

Bahagian VII—Kuasa-kuasa Syarikat Keretapi. Syarikat keretapi dikehendaki mempamerkan jadual perkhidmatan keretapi serta senarai tarif di semua stesen keretapi untuk penelitian orang awam. Syarikat keretapi diberi kuasa untuk mengenakan tambang atau sesiapa yang menggunakan perkhidmatan keretapi. Dalam pada itu, syarikat keretapi juga dibenarkan mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang cuba menggunakan perkhidmatan keretapi tanpa membayar tambang. Syarikat keretapi juga dibenarkan untuk menentukan jenis barangan yang akan dibawa oleh keretapi.

Bahagian VIII—Kemalangan. Bahagian ini memperuntukkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh syarikat keretapi apabila sesuatu kemalangan berlaku. Ketua Pengarah Keretapi dengan kelulusan Menteri boleh

membuat peraturan berhubung dengan kemalangan di bawah seksyen 49. Bahagian ini juga memperuntukkan supaya syarikat keretapi boleh dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi peraturan prosedur melaporkan kemalangan. Dalam pada itu, Menteri berkuasa mengarahkan mana-mana pihak yang dilantik untuk menyiasat sebab-sebab sesuatu kemalangan berlaku.

Bahagian IX Kesalahan dan Penalti. Bahagian ini memperuntukkan supaya syarikat keretapi dapat mengawal orang awam daripada menyalahgunakan kemudahan keretapi. Bahagian ini juga memperuntukkan tawaran bayaran penalti bagi kesalahan yang tidak melibatkan aspek keselamatan. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya perbuatan yang boleh mengakibatkan kemalangan kepada penumpang, barangan ataupun keretapi.

Bahagian X—Penggantungan atau Pembatalan Lesen. Bahagian ini memperuntukkan supaya Menteri setelah menimbangkan laporan daripada Ketua Pengarah dan berpuas hati bahawa syarikat keretapi melanggar syarat-syarat lesennya boleh menggantung ataupun menarik balik lesen syarikat keretapi. Bahagian ini juga memperuntukkan supaya Menteri, setelah menggantung lesen syarikat keretapi, melantik Ketua Pengarah ataupun Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana orang bagi pihaknya untuk mengambilalih kuasa mengendalikan sebahagian ataupun semua operasi syarikat keretapi itu. Perlantikan ini adalah untuk tempoh masa dua tahun sahaja di bawah seksyen 81. Walau bagaimanapun, Menteri boleh melanjutkan tempoh masa tersebut sebanyak tiga kali bagi tempoh setahun setiap kali.

Bahagian XI—Peruntukan Pelbagai. Bahagian ini memperuntukkan supaya Ketua Pengarah diberi kuasa memasuki mana-mana keretapi atau premis keretapi untuk memeriksa dan meneliti

keadaan sesuatu premis keretapi. Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk membuat keputusan apabila timbul pertelingkahan di antara dua syarikat keretapi berhubung dengan perkongsian landasan dan terminal. Di samping itu, Ketua Pengarah juga hendaklah menentukan bahawa perubahan dalam struktur tarif yang dipohon oleh syarikat keretapi dikemukakan untuk kelulusan Menteri serta diwartakan. Bahagian ini juga membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila berlakunya darurat memberi kuasa kepada Menteri bagi mengambil milikan sementara mana-mana perkhidmatan atau kemudahan yang dijalankan oleh sesebuah syarikat keretapi.

Bahagian XII—Perbadanan Aset Keretapi dan Harta Keretapi. Bahagian ini memperuntukkan pengwujudkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Perbadanan Aset Keretapi yang merupakan satu perbadanan di mana anggota-anggotanya adalah dilantik oleh Menteri. Perbadanan adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan, pentadbiran dan penyelenggaraan semua harta dan hak pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan Keretapi 1948 yang dimansuhkan itu serta mengurus dan mentadbir semua liabiliti yang diletak di bawah nama perbadanan ini.

Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa Menteri untuk melantik seorang Pengurus Aset Keretapi yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan. Perbadanan ini boleh menerima bantuan kewangan atau pemberian kewangan dari Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pihak serta memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat keretapi yang dilantik oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Bahagian ini juga memperuntukkan supaya satu Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi diwujudkan untuk membiayai apa-apa perbelanjaan

bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawahnya. Di bawah Bahagian ini, apa-apa perbelanjaan yang dibuat oleh Perbadanan adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan setelah berunding dengan Menteri. Perbadanan dikehendaki mengemukakan anggaran perbelanjaan sebelum setiap permulaan tahun kewangan kepada Menteri Kewangan. Peruntukan juga diwujudkan supaya segala harta di Malaysia dipegang oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948 akan diperletakhakkan di bawah Perbadanan, kecuali semua harta di Republik Singapura dan segala harta rizab yang terus dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bahagian XIII—Pemansuhan dan Kecualian. Bahagian ini memperuntukkan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948. Dalam pada itu, Bahagian ini juga memperuntukkan supaya semua perundangan subsidiari di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu dikekalkan setakat mana ianya tidak bercanggah dengan Rang Undang-undang ini sehingga dipinda, dibatalkan atau digantikan. Bahagian ini juga memperuntukkan supaya Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tertentu apabila didapati perlu atau sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa Rang Undang-undang ini akan melibatkan implikasi kewangan Kerajaan yang mana jumlahnya belum dapat ditentukan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan baru dalam

undang-undang yang berhubungan dengan keretapi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada atau tidak ada? Tidak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Adam bin Kadir *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 95 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 96—

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan satu pindaan kepada Fasal 96 (1) iaitu minta digantikan perkataan "Menteri" di baris lima dengan perkataan "Perbadanan".

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 96 sebagaimana dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 96 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 97 hingga 106 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (SYARIKAT PENGANTI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Aset Keretapi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Penganti 1991) ini bertujuan untuk membolehkan sebuah syarikat penganti iaitu syarikat keretapi mengambilalih sebilangan harta, hak dan tanggungan yang dipegang oleh Perbadanan Aset Keretapi. Rang Undang-undang ini juga bertujuan membuat penyusunan kewangan bagi Syarikat Keretapi dan juga pemindahan kakitangan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 3 bahagian seperti berikut—

Bahagian I—Permulaan. Bahagian ini memperuntukkan tarik kuatkuasa dan tafsiran-tafsiran bagi Rang Undang-undang ini.

Bahagian II—Perletakhakan Harta dan lain-lain kepada Syarikat Penganti. Bahagian ini memperuntukan supaya semua harta, hak

ataupun liabiliti yang dipegang oleh Perbadanan Aset Keretapi diperletakhakan kepada syarikat penggantian masa ke semasa di bawah arahan Menteri melalui notis dalam *Warta Kerajaan*.

Bahagian ini juga memperuntukkan mengenai saham Kerajaan dalam syarikat pengganti serta mengenai pelupusan saham tersebut. Wakil-wakil Kerajaan ke lembaga syarikat pengganti akan dilantik oleh Menteri Kewangan setelah berunding dengan Menteri.

Bahagian ini juga memperuntukkan supaya semasa syarikat pengganti dimiliki penuh oleh Kerajaan, Menteri Kewangan, setelah mengarahkan syarikat pengganti mewujudkan satu kumpulan wang (*statutory reserve*) untuk digunakan bagi membiayai saham syarikat yang belum dikeluarkan lagi. Saham ini hanya akan dikeluarkan kepada ahli syarikat sebagai saham-saham bonus berbayar penuh.

Bahagian III—Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan Kakitangan. Bahagian ini memperuntukkan mengenai kedudukan semua kakitangan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang memilih untuk bekerja dengan syarikat pengganti. Di bawah Bahagian ini, syarikat pengganti hendaklah menetapkan syarat-syarat dan terma perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada syarat-syarat dan terma perkhidmatan mereka sebelum tarikh peralihan ke pekerjaan baru. Tarikh ini akan ditetapkan oleh Menteri melalui notis dalam *Warta Kerajaan*.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan bahawa Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) ini tidak akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya ke atas Rang Undang-undang ini dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Aset Keretapi pada suatu syarikat untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak perbincangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Adam bin Kadir *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG OPTIK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai

pendaftaran orang-orang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris, bagi mengawal amalan optometri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk mengatur dan mengawal amalan optometri di negara ini. Pada masa ini tidak ada undang-undang di negara ini untuk mengatur dan mengawal amalan optometri. Oleh yang demikian, sesiapa yang ingin mengamalkan sebagai juruoptik atau optometris hanya perlu berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pada masa sekarang, terdapat 500 orang juruoptik dan 160 orang juruoptometri di negara ini. Kebanyakan optometris adalah graduan-graduan daripada universiti-universiti seberang laut seperti dari negara Australia, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Di negara ini, Universiti Kebangsaan Malaysia telah memulakan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Optometri pada tahun 1981. Kursus ini adalah sepenuh masa selama 4 tahun dan 7 orang graduan pertama telahpun lulus dalam tahun 1985 dan jumlah graduan hingga tahun 1989 ialah 57 orang. Pengambilan mahasiswa bagi kursus ini telahpun bertambah daripada 9 orang untuk sesi 1982/83 kepada 19 orang untuk sesi 1989/90.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang juruoptik adalah terhad untuk mempreskripsi dan mendispensa cermin mata dan tidak termasuk kanta lekap atau dengan izin, contact lens, manakala seseorang optometris adalah layak untuk mengamalkan praktis optometri. Walau bagaimanapun, di negara ini ramai orang-orang termasuk orang-orang yang tidak mempunyai latihan atau pengkelayakan telah

membuka kedai untuk menjalankan amalan optometri. Mereka ini memberi preskripsi untuk cermin mata termasuk kanta lekap. Preskripsi cermin mata yang tidak betul akan mengakibatkan rasa tidak selesa kepada mata, keletihan mata dan sakit kepala manakala preskripsi kanta lekap yang tidak betul akan mengakibatkan kerosakan kepada kornia yang boleh membawa kepada parut kornia ataupun, dengan izin, corneal scarring dan kurang penglihatan ataupun buta. Penyalahgunaan ubat untuk maksud refraksi boleh membawa kepada penyakit glaucoma serta kerosakan mata yang kekal.

Orang awam perlu dilindungi daripada amalan orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan atau latihan. Bagi maksud ini suatu undang-undang bagi mengawal amalan ini perlu diadakan. Rang Undang-undang Optik ini telahpun digubal oleh Kementerian Kesihatan dengan nasihat dan perundingan dengan wakil-wakil daripada Persatuan Optik Malaysia, Persatuan Amalan Optik Malaysia, Persatuan Optometris Malaysia, Persatuan Oftalmologi Malaysia, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Jabatan Peguam Negara.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menghadkan amalan optometri dan optik kepada orang-orang yang berdaftar sahaja dengan menetapkan syarat-syarat pendaftaran bagi orang-orang yang layak didaftarkan sebagai ahli optik ataupun optometris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Optik 1991 mengandungi 42 Fasal yang dibahagikan kepada lima Bahagian.

Bahagian I Rang Undang-undang ini, selain daripada mengadakan tajuk ringkas dan takrif, bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

Bahagian II menurunkan peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan Majlis Optik Malaysia, keanggotaan dan juga tempoh jawatan seseorang anggota Majlis, prosedur-prosedur di dalam mesyuarat Majlis dan juga kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan am kepada Majlis.

Bahagian III mengandungi Fasal-fasal bersabit dengan pendaftaran juruoptyk dan optometris. Fasal-fasal tersebut meliputi beberapa perihal yang tertentu seperti lantikan Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pendaftar, mengadakan dua daftar berasingan sebagai juruoptyk ataupun optometris, orang-orang yang berhak didaftarkan sebagai juruoptyk ataupun optometris dan bidangkuasa tatatertib Majlis Optik Malaysia.

Bahagian IV mengandungi Fasal-fasal bersabit dengan amalan optometris yang menetapkan hanya orang-orang yang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan optometri.

Bahagian ini juga meliputi Fasal-fasal yang membenarkan juruoptyk tertentu mempreskripsi dan mendispenakan kanta lekap dan perakuan amalan tahunan bagi juruoptyk dan optometris yang berdaftar.

Bahagian V mengandungi Fasal-fasal yang mengambilkira pelbagai perkara termasuk pendaftaran "fraud", dengan izin, kesalahan-kesalahan orang yang tidak didaftar, orang yang boleh menjual alat optik dan penalti am bagi orang-orang yang melakukan kesalahan.

Bahagian ini juga mengandungi Fasal-fasal yang membenarkan seseorang yang diberi kuasa untuk memasuki premis di mana amalan optometris dipercayai dijalankan dan memeriksa dan menyita dokumen-dokumen berkaitan dengan amalan tersebut.

Rang undang-undang ini mempunyai dua Jadual dan Menteri Kesihatan diberi kuasa untuk meminda Jadual-jadual tersebut. Jadual Pertama adalah senarai kelulusan yang boleh didaftarkan sebagai juruoptyk dan jadual kedua ialah senarai kelulusan yang boleh didaftarkan sebagai optometris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Optik 1991 merupakan sabagai satu langkah untuk mengatur dan mengawal amalan optometri bagi melindungi orang-orang awam. Dengan ini saya mohon supaya Rang Undang-undang Optik 1991 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran orang-orang yang menjalankan amalan sebagai juru optik dan optometris bagi mengawal amalan optometri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan, Puan Aion.

5.52 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi kali yang ketiga dalam membincangkan Akta-akta, pindaan-pindaannya kerana saya merasakan Dewan Negara berhak meneliti dan berhak juga mengemukakan pandangan-pandangan dan berhak lagi untuk sama-sama menghujah, membahas semua Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini.

Saya pun hairan hari ini, kawan-kawan saya kesemuanya seolah-olah macam keletihan, tiada dapat hendak memberikan pandangan kepada Akta-akta ini.

Tuan Adam bin Kadir: Kenapa mereka letih?

Puan Ainon binti Ariffin: Pada pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, kami telah dibawa melawat ke Bukit Cerakah oleh Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi. Mungkin keindahan kawasan berkenaan atau oleh keletah-keletah pegawai-pegawai Datuk Seri Sanusi yang bijaksana ramai Ahli Yang Berhormat keletihan.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya menyeleweng sedikit. Saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran orang-orang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris, bagi mengawal amalan optometri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, khasnya Kementerian Kesihatan yang telah mendapat ilham dan yang peka dengan keadaan-keadaan yang sesungguhnya dalam Malaysia sudah berleluasa, sudah sampai ke tahap bahaya. Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini sebelumnya rupa-rupanya telah tidak begitu terkawal malahan telah banyak menimbulkan beberapa gejala-gejala yang tidak sihat dan ramai juga rakyat yang tiada mengetahui, yang ingin bantuan, yang setengahnya itu pula ingin kecantikan melalui mata yang telah menjadi mangsa. Terutamanya mereka ini telah menemui pakar-pakar mata yang membuat glass mata sama ada glass bertangkai atau glass yang dilekatkan seperti yang dikatakan kanta lekap dalam Akta ini dan di hadapan kita ini atau, dengan izin, contact lens yang bukan sahaja telah tidak berjaya menerangkan yang buta, telah tidak dapat berjaya mencantikkan yang jelek tetapi ianya telah memangsakan orang ataupun client yang berkenaan.

Banyak kejadian-kejadian yang membeli cermin mata dengan pakar-pakar yang tidak berdaftar tetapi sekadar tahu dan belajar begitu sahaja, ikut guru-guru lalu membeli cermin-cermin mata yang kekuatan atau sukatan kekuatan pandangan-pandangan, itu bukan boleh menerangkan tetapi sebenarnya merosakkan jangka panjang kerana hanya pakar sahaja yang mengetahui berapa kekuatan-kekuatan mata yang perlu digandakan kalau hendak memakai cermin mata dan bagaimana cara pengolahan-pengolahan perlu dibuat kalau kiranya cermin yang hendak dipakai sama ada yang pandang dekat, pandang jauh, yang buta dekat, buta jauh dan yang lain-lainnya, Tuan Yang di-Pertua.

Sesungguhnya sebagai sebuah negara yang maju jaya, perlulah undang-undang seperti ini diwujudkan malahan sepatutnya diwujudkan dalam tahun 1980an sekurang-kurangnya. Tetapi tidak mengapa, walaupun terlambat belum terlalu lewat. Tahniah lagi sekali kepada Menteri dan khasnya kepada Timbalan Menteri yang membentangkan ini sebentar tadi yang penuh keyakinan dan nampak kesedaran yang nyata bahawa undang-undang ini diwujudkan, dicipta dan dikemaskinikan begitu baik, satu persatu jelas dan nyata bagi melindungi hak-hak asasi rakyat dalam negara kita ini yang banyak berkaitan dengan mata kerana mata ini merupakan cahaya, pelita, lampu kepada manusia. Kalau mata ini tidak mendapat rawatan yang sesuai dari pakar-pakar yang benar-benar bijaksana dalam hal ehwal mata, maka itulah saya kata tadi ramai sudah yang menjadi mangsa semata-mata kerana pihak-pihak berkenaan yang hanya tahu sedikit-sedikit dalam hal ehwal mata ingin mencari rezeki, ingin berniaga dalam lapangan yang berkenaan.

Saya tertarik hati, Tuan Yang di-Pertua, dengan Bahagian V Rang Undang-undang ini yang berkenaan dengan optometri, Fasal 29 iaitu

membenarkan orang-orang yang berdaftar sahaja seperti disebut di sini iaitu bertujuan membenarkan hanya orang-orang berdaftar sahaja menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris.

Saya ingin bertanya dalam perkara ini, kalau sekiranya mereka itu baru sahaja dalam lapangan berkenaan kemudian merekapun mendaftar, adakah mereka ini juga akan diterima? Maksud saya, apakah syarat-syarat tertentu bagi tujuan yang dikatakan untuk mendaftar? Saya percaya sudah ada syarat-syarat yang bertujuan melindungi, meninjau dan meneliti kepakaran pihak berkenaan sahaja baru ianya boleh didaftarkan. Kemudian saya ingin bertanya kepada Majlis yang akan ditubuhkan di mana di sini disebut dalam Fasal 30 iaitu membolehkan Majlis membenarkan juruoptik-juruoptik tertentu mempreskripsi dan mendispens kanta lekap walaupun pada amnya, Rang Undang-undang ini tidak membenarkan juruoptik-juruoptik berbuat demikian.

Saya ingin bertanya mengenai Majlis ini. Di permulaan Rang Undang-undang ini ada disebut bagaimana pembentukan Majlis itu, sesiapa yang akan dilantikkan. Saya puas hati dengan peruntukan itu kerana ada disebutkan begitu lengkap Pengerusi dan Jawatankuasanya yang terdiri daripada pakar-pakar dan juga Pengarah-pengarah dan kemudian diletakkan pula kuasa mutlak kepada Menteri yang berkenaan bagi mengawasi keadaan-keadaan ini. Tetapi ahli-ahli yang duduk di dalam Majlis ini siapa yang lantik? Saya pernah tanya juga dahulu dan ada jawapan yang telahpun diberi, tetapi kawan-kawan lain tidak dengar jawapan itu. Siapa yang melantiknya dan bagaimana kriteria-kriteria pemilihan untuk melantik anggota-anggota Majlis yang berkenaan?

Kemudian satu lagi mengenai Fasal 31 yang bertujuan melarang penggunaan ubat untuk mengukur daya

penglihatan. Ini juga diucapkan syabas dan alhamdulillah, kerana inilah yang banyak membutuhkan mata rakyat kita kerana ditaruk ubat. Hari ini taruk ubat, cerah matanya dan penglihatan begitu cantik dan bersinar-sinar. Kalau wanita muda, dia merasakan dia sudah mempunyai mata kejora tetapi, bila esok paginya mata itu menjadi kelam, kelabu dan akhirnya terus buta. Apabila dibawa ke doktor yang berkenaan disuruhnya pergi ke hospital. Sampai hospital, sah dengan nyata, mata sikejora sudah buta.

Jadi, ini beberapa kejadian. Saya bukan menegur Kementerian tetapi ini kejadian. Syukurlah, undang-undang ini sudah ada, sudah boleh kawal. Jadi, pada masa akan datang tidaklah timbul lagi cerita seperti yang demikian.

Satu saya ingin bertanya, adakah tertakluk di dalam Fasal 31 Bahagian Akta ini iaitu mengenai beautician, ahli-ahli pakar kecantikan, yang membuka perniagaan untuk mencantikkan wajah-wajah manusia terutamanya wanita, mata itu tak berapa cantik, eyeshadownya tak ada, lalu dipotong supaya dia nampak cantik, lawa macam Joan Collins umpamanya ataupun macam siapa-siapa lagi yang lawa-lawa, macam pegawai-pegawai wanita kita dalam Dewan ini lawa-lawa semua ataupun hendak macam mana

Tuan Adam bin Kadir: Orang yang bercakap lawa tak?

Puan Ainon binti Ariffin: Saya tidak nampak diri saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Orang di sana nampak tahu? Ketawa

Puan Ainon binti Ariffin: Jadi maksud saya pembedahan mengenai mencantikkan mata—ini mata sahaja, belum hidung, belum pipi, belum lain-lain sebab bidangkuasa ini hanya mata,

tidak telinga, tidak pipi, tidak bibir, tidak gigi, kalau saya tak silaplah, jadi mata.

Ada seorang sahabat saya yang telah membuat pembedahan kerana ingin mencantikkan mata sebab suaminya hari-hari tegur, "Oh, mata awak ini sepetlah". Dia kata, "Kenapa sepet sangat mata awak ini?" Jadi dia fikir, takut suaminya nanti mencari mata yang tidak sepet, dia diam-diam pergi kepada satu beautician, kemudian dia operate matanya

Tuan Adam bin Kadir: Berapa lama dia kahwin itu baru tahu isterinya mata sepet? (*Ketawa*)

Puan Aion binti Ariffin: Lebih kurang dalam 7 tahun, sudah dapat anak dua, sebelumnya tak sepet. Ini ragam laki-laki, Tuan Yang di-Pertua, sudah 7 tahun baru sedarlah sepetkah, tak mancungkah, baru sedar, 7-8 tahun kemudian. Semasa baru kahwin, segala-galanya indah, cantik dan menarik. Yang buta sebelah pun dia kata cantiknya mata mu, begitu lebih kurang. Ini bab mata juga. Kemudian dia pergi ke tempat yang berkenaan, dia operate. Selepas dia operate, dia tutup 2-3 hari, selepas seminggu matanya membengkak begitu punya besar, bekas jahitannya begini besarnya, mungkin kerana yang berkenaan tidak pakar, kemudian dia terus tidak dapat menggunakan matanya selama 6-7 bulan. Dinasihatkan oleh seorang lawyer supaya dia saman kepada tempat pembedahan mata ini, maksudnya swasta yang membuat beautician yang berkenaan. Tetapi bila dia cuba mencari lawyer, ada lawyer mengatakan tak boleh disaman sebab sudah sign dalam satu borang mengatakan 'hidup mati, saya tak tanggungjawab'.

Pihak yang berkenaan itu sudah buat borang dalam bahasa Inggeris, tulisan halus sangat, Tuan Yang di-Pertua, jadi dia tak nampak. Oleh sebab hendak cantik ini, terfikir besok pagi dia akan

boleh jadi Marlin Monroe, maka dia pun sign borang itu, dia dapati dalam borang itu menyebut, sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini, maka pihak syarikat atau kedai atau tempat yang berkenaan tidak bertanggungjawab. Jadi, tak boleh disaman. Jadi, adakah ini juga termasuk di dalam Akta kita ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain dalam Akta ini cantik-cantik belaka dan semuanya tepat dan semuanya jelas dan semuanya terang, hanya diharapkan pelaksanaannya juga nanti se pantas dan sededikasi Timbalan Menteri yang membentangkannya. Saya percaya Timbalan Menteri saya ini seorang yang memang sangat berminat tentang tugasnya dan kemudian beliau juga setiap perkara yang dibuatnya dikajinya dahulu. Jadi kita harap beliau tak juga luput daripada mengikuti, mengawasi, menyelia dan juga menentukan Akta ini apabila telah dijadikan Akta yang untuk diperundangan dan diperkuatkuasakan, ianya akan berjalan mengikut matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu lagi sekali saya menyokong kepada Rang Undang-undang Optik 1991 ini.

Tuan Adam bin Kadir: Ada yang hendak bercakap lagi? Kalau tak ada, saya menjemput Menteri berkenaan menjawab.

6.04 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Aion Ariffin yang telahpun bangun memberi ucapan yang bernas terhadap Akta ini dan memberi komen-komen yang boleh diambil berat oleh Kementerian Kesihatan.

Pertama, saya ingin menyatakan di sini bahawa betul sebelum Akta ini

digubal terdapat keadaannya agak kucau-kacir, kacau-kucir—apa yang betulnya, saya tak tahu.

Tuan Adam bin Kadir: Kucar-kacir!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kucar-kacir dalam bidang profesion juruoptyk dan juru optometri ini kerana setakat ini banyak orang yang membuka kedai yang mengatakan dirinya sebagai juruoptyk telahpun hanya mendapat satu kelulusan daripada ROC ataupun Registrar of Companies sahaja dengan paid-up capital atau authorised capital of \$2 yang semungkin banyak ataupun semungkin kurang, maka ia boleh memulakan satu perniagaan sebagai juruoptyk. Ada di antaranya pula yang mengatakan diri mereka itu sebagai juru optometri dan telahpun mendispensakan kanta lekap (contact lens) yang mungkin membahayakan keadaan orang yang memakainya.

Sebenarnya, Yang Berhormat, perkara ini telahpun dibincang sejak awal 80an lagi, tetapi oleh kerana timbul beberapa kontroversi dan pertelingkahan di antara bidang optometri dan juruoptyk, maka beberapa perbincangan dan mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian dan juga pihak-pihak yang berkenaan, termasuk juga ahli-ahli pakar mata ataupun opthalmology. Jadi ada tiga bidang sebenarnya—juruoptyk, juru optometri dan opthalmology. Jadi oleh kerana kontroversi ini maka undang-undang ini keluar-masuk daripada Kementerian dan bertukarnya Menteri dan akhirnya pada tahun ini maka keputusan telahpun tercapai untuk kita memberanikan diri dan membentang juga walaupun masih ada bangkangan-bangkangan yang agak ketara tentang beberapa isu dalam Akta ini, terutama dalam Jadual Pertama dan juga seksyen 18 dan 19. Walau bagaimanapun, ini adalah satu usaha untuk regulate,

dengan izin, juruoptyk yang seramai 500 yang berkeliaran dan juru optometri yang seramai 160 yang ada di seluruh negara.

Selepas undang-undang ini diluluskan, maka ia akan menjadi satu undang-undang yang membenarkan satu closed register. Semua orang yang telahpun mempunyai kelulusan-kelulusan tertentu seperti di Jadual Pertama dan mempunyai pengalaman yang tertentu mengikut seksyen 18 dan 19, boleh didaftarkan sebagai juruoptyk. Jika sekiranya mereka mempunyai pengalaman yang lebih mengikut seksyen 29 dan 30 Akta ini, mereka boleh didaftarkan sebagai juru optometri, bermakna mereka berhak untuk mendispensakan kanta lekap. Jadi, selepas ini, jika sekiranya terdapat orang-orang yang tidak mempunyai kelulusan ataupun pengalaman yang telahpun ditetapkan dalam Akta ini, maka mereka disifatkan melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dan boleh diambil tindakan mengikut peraturan-peraturan yang telahpun diperturunkan. Jadi, syarat-syarat yang telahpun diturunkan ialah sebagai yang terdapat dalam seksyen 18 untuk juruoptyk, termasuk juga seksyen 19.

Saya tidak bertujuan untuk membaca satu persatu, tetapi memadailah saya mengatakan di sini bahawa seksyen 18 (2) (a) dan seksyen 18 (2) (b) memberi sedikit kelonggaran kepada orang-orang yang pada masa ini tidak mempunyai kelulusan yang terdapat dalam Jadual Pertama boleh didaftarkan sebagai juruoptyk selagi ia mempunyai pengalaman setahun, tetapi dia tidak boleh mendispensakan kanta lekap. Tetapi kalau dia hendak mendispensakan kanta lekap, beliau mesti mempunyai bukti yang beliau telahpun mengamalkan ataupun menjadi pengamal kanta lekap 3 tahun sebelum Akta ini diluluskan yang mungkin akan ditetapkan oleh Menteri

kemudian. Kalau ini tidak lengkap, dia mesti menduduki satu peperiksaan dalam tempoh 6 tahun selepas Akta ini.

Jadi oleh kerana itulah maka selepas ini kita akan dapati bahawa juruoptyk yang tidak mempunyai kelulusan akademik yang tertentu akan menjadi satu, dengan izin, dying breed kerana akhirnya negara kita ini akan mempunyai juruoptyk yang hanya mempunyai kelulusan-kelulusan yang mungkin ditambah ataupun dikurangkan seperti yang terdapat dalam Jadual Pertama dan jurupotometri dalam Jadual Kedua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon yang meminta saya memberi penerangan mengenai siapa yang berkuasa melantik Majlis Optik Malaysia ini, Seksyen 4 telah menentukan siapa yang mesti menduduki Majlis ini. Majlis ini mesti terdiri daripada anggota-anggota yang berikut sahaja iaitu:

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) menjadi Pengerusinya;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah yang menjadi Timbalan Pengerusinya;
- (c) 2 orang pakar offalmologi, iaitu pakar mata ataupun doktor yang mempunyai kepakaran dalam bidang mata;
- (d) 2 orang daripada mereka pula terdiri daripada ahli optometris;
- (e) 2 orang ahli juruoptyk; dan
- (f) seorang wakil daripada mana-mana institusi pengajian tinggi—yang ada sekarang ini ialah hanya satu, iaitu UKM. Cukup lengkap.

Jadi kuasa melantik bukan terletak di tangan sesiapa, tetapi ia telahpun dinyatakan bahawa hanya orang-orang ini boleh menduduki sebagai ahli

Majlis. Ahli Majlis yang telah kita tetapkan dalam Seksyen 4 ini menyeluruhi semua bidang yang dimaksudkan dalam keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang dibangkitkan oleh Senator Ainon ialah berkenaan dengan plastic surgery ataupun, dengan izin, cosmetic plastic surgery. Bidang ini tidak termasuk dalam Akta ini, tetapi jika sekiranya terdapat sebarang kecuaiian (negligence) di dalam sebarang tindakan yang dibuat oleh orang yang tidak berkelulusan, maka ia akan menjadi satu kes Polis. Tetapi jika sekiranya ia dilakukan oleh seorang doktor yang mempunyai kelulusan ataupun mempunyai kepakaran dalam plastic surgery dan jika berlaku kecuaiian, saya tidak nampak jika sesekiranya ia membawa kes ini ke Mahkamah, Mahkamah boleh mengambil satu sikap yang saya boleh menyatakan di sini bahawa seseorang yang telahpun melakukan kecuaiian tidak boleh berlindung di sebalik tandatangan di bawah titik-titik halus itu sebagai defence untuk negligencenya. Dengan izin saya kata, Tuan Yang di-Pertua, 'exclusion clauses or waiver clauses cannot be made as a defence for your own negligence'.

Saya dapat maklumat ini daripada seorang peguam. *Ketawa*

Tuan Adam bin Kadir: Peguam mana itu, atau yang bercakap itu tak?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jadi Yang Berhormat bolehlah menasihati kawannya balik sekiranya berlaku kepada seorang yang sebenarnya doktor yang telah melakukan kecuaiian, maka dia boleh diambil tindakan oleh Malaysian Medical Council (MMC) untuk mengeluarkannya daripada senarai doktor. Tetapi jika sekiranya ia dilakukan oleh orang yang tidak berkelulusan, iaitu orang-orang yang membuatnya di belakang kedai, yang datang daripada luar negeri, yang

mengakui dia mempunyai kelulusan tertentu, tetapi akhirnya matanya buta, maka kedua-dua orang itu mempunyai tanggungjawab subahat-mensubahati. Maka ini menjadi kes Polis dan bukan lagi kes negligence, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Senator Ainon dan saya mengucapkan terima kasih kepada Senator kerana sudi membahaskan Rang Undang-undang Optik ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Adam bin Kadir *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-

Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa mulai 25hb Mac 1976. Di antara peruntukan dalam Akta ini ialah Seksyen 107 mengenai kuasa Pihak Berkuasa Tempatan mengeluarkan lesen-lesen.

Pada masa ini terdapat beberapa halangan dan sekatan dalam pentadbiran awam yang menjejaskan perkembangan pelaburan dan perniagaan dalam negara oleh kerana sistem pengeluaran lesen dan permit yang rumit di mana terdapat terlalu banyak kelulusan yang perlu diperolehi oleh para pelabur dan peniaga. Tambahan pula, terdapat ketiadaan penyeragaman sistem perlesenan di antara negeri-negeri. Di samping itu, prosedur dan pemerosesan kelulusan memakan masa yang lama. Keperluan untuk mendapatkan persetujuan dan keputusan dari pelbagai agensi di beberapa peringkat pentadbiran merupakan karenah pentadbiran yang mengakibatkan kelewatan dalam membuat keputusan. Akhirnya bebanan bayaran lesen di mana terdapat beberapa bayaran lesen yang dikenakan kini merupakan beban, khususnya kepada para peniaga kecil.

Kerajaan telah memutuskan supaya semua masalah tersebut di atas diatasi supaya sektor awam dapat memainkan peranannya sebagai pemudah cara kepada sektor swasta dengan lebih cekap dan berkesan, demi memudahkan kegiatan-kegiatan pelaburan dan perniagaan.

Untuk mengatasi masalah-masalah ini, beberapa perakuan yang menyentuh bidangkuasa Pihakberkuasa Tempatan telah diputuskan iaitu supaya pengeluaran lesen oleh Pihakberkuasa

majlis Kerajaan Tempatan yang berkenaan apabila seseorang itu memohon lesen, lesen ini akan diproses begitu cepat dengan tidak ada sebarang red-tape di pihak-pihak yang tertentu seperti saudara saya mengatakan tadi.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, nampaknya panjang lagi. Kita sambunglah esok.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Ya. Itu yang saya cakap tadi itu.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak apa, tengah naik 'steam' itu, tidak apa. Sambung pula esok.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Hendak sambung besok. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.